JUZU' KE-27

SURAH AL-WADI'AH

سُورَةُ الْوَاقِعَةِ

SURAH KE

56

SURAH AL-WAQI'AH

Surah Qiamat Yang Tetap Berlaku

(Makkiyah)

JUMLAH AYAT

96

Dengan nama Allah
Yang Maha Penyayang dan Maha Pengasih

إِذَا وَقَعَتِ ٱلۡوَاقِعَةُ ﴿١﴾

لَيۡسَ لِوَقۡعَتِهَا كَاذِبَةٌ ﴿٢﴾

خَافِضَةٞ رَّافِعَةٌ ﴿٣﴾

إِذَا رُجَّتِ ٱلۡأَرۡضُ رَجّٗا ﴿٤﴾

وَبُسَّتِ ٱلۡجِبَالُ بَسّٗا ﴿٥﴾

فَكَانَتۡ هَبَآءٗ مُّنۢبَثّٗا ﴿٦﴾

وَكُنتُمۡ أَزۡوَٰجٗا ثَلَٰثَةٗ ﴿٧﴾

فَأَصۡحَٰبُ ٱلۡمَيۡمَنَةِ مَآ أَصۡحَٰبُ ٱلۡمَيۡمَنَةِ ﴿٨﴾

وَأَصۡحَٰبُ ٱلۡمَشۡـَٔمَةِ مَآ أَصۡحَٰبُ ٱلۡمَشۡـَٔمَةِ ﴿٩﴾

وَٱلسَّٰبِقُونَ ٱلسَّٰبِقُونَ ﴿١٠﴾

أُوْلَٰٓئِكَ ٱلۡمُقَرَّبُونَ ﴿١١﴾

فِي جَنَّٰتِ ٱلنَّعِيمِ ﴿١٢﴾

ثُلَّةٞ مِّنَ ٱلۡأَوَّلِينَ ﴿١٣﴾

وَقَلِيلٞ مِّنَ ٱلۡأٓخِرِينَ ﴿١٤﴾

عَلَىٰ سُرُرٖ مَّوۡضُونَةٖ ﴿١٥﴾

مُّتَّكِـِٔينَ عَلَيۡهَا مُتَقَٰبِلِينَ ﴿١٦﴾

يَطُوفُ عَلَيۡهِمۡ وِلۡدَٰنٞ مُّخَلَّدُونَ ﴿١٧﴾

بِأَكۡوَابٖ وَأَبَارِيقَ وَكَأۡسٖ مِّن مَّعِينٖ ﴿١٨﴾

لَّا يُصَدَّعُونَ عَنۡهَا وَلَا يُنزِفُونَ ﴿١٩﴾

وَفَٰكِهَةٖ مِّمَّا يَتَخَيَّرُونَ ﴿٢٠﴾

"Apabila berlaku Qiamat yang tetap berlaku(1). Tiada siapapun yang dapat mendustakan kejadiannya(2). Ia merendahkan satu golongan dan mengangkatkan satu golongan yang lain(3). Apabila bumi digoncangkan dengan sekuat-kuatnya(4). Dan gunung-ganang dileburkan dengan selebur-leburnya(5). Lalu ia menjadi debu yang berterbangan(6). Dan kamu menjadi tiga golongan(7). Iaitu golongan kanan, siapakah golongan kanan?(8). Dan golongan kiri, siapakah golongan kiri?(9). Golongan pelopor ialah golongan pelopor(10).Merekalah golongan Muqarrabin(11). Mereka ditempatkan di dalam Syurga yang penuh ni'mat(12). Mereka merupakan sebilangan besar dari angkatan yang terdahulu(13). Dan sebilangan yang kecil dari angkatan yang kemudian(14). Mereka beristirehat di atas takhta-takhta yang bertatah(15).Mereka bersandar di atasnya dengan berhadapan muka(16). Mereka dikelilingi belia-belia yang kekal muda(17). Menghidangkan mangkuk-mangkuk, tekoh-tekoh dan gelas-gelas minuman dari matair yang terus mengalir(18). Mereka tidak pening kerana meminumnya dan tidak pula mabuk(19). Dan mereka dihidangkan dengan buah-buahan dari pilihan mereka"(20).

وَلَحۡمِ طَيۡرٖ مِّمَّا يَشۡتَهُونَ ﴿٢١﴾

وَحُورٌ عِينٞ ﴿٢٢﴾

كَأَمۡثَٰلِ ٱللُّؤۡلُوِٕ ٱلۡمَكۡنُونِ ﴿٢٣﴾

جَزَآءَۢ بِمَا كَانُواْ يَعۡمَلُونَ ﴿٢٤﴾

لَا يَسۡمَعُونَ فِيهَا لَغۡوٗا وَلَا تَأۡثِيمًا ﴿٢٥﴾

إِلَّا قِيلٗا سَلَٰمٗا سَلَٰمٗا ﴿٢٦﴾

وَأَصۡحَٰبُ ٱلۡيَمِينِ مَآ أَصۡحَٰبُ ٱلۡيَمِينِ ﴿٢٧﴾

فِي سِدۡرٖ مَّخۡضُودٖ ﴿٢٨﴾

وَطَلۡحٖ مَّنضُودٖ ﴿٢٩﴾

وَظِلّٖ مَّمۡدُودٖ ﴿٣٠﴾

وَمَآءٖ مَّسۡكُوبٖ ﴿٣١﴾

وَفَٰكِهَةٖ كَثِيرَةٖ ﴿٣٢﴾

لَّا مَقۡطُوعَةٖ وَلَا مَمۡنُوعَةٖ ﴿٣٣﴾

وَفُرُشٖ مَّرۡفُوعَةٍ ﴿٣٤﴾

إِنَّآ أَنشَأۡنَٰهُنَّ إِنشَآءٗ ﴿٣٥﴾

"Dan daging burung yang diidami mereka(21). Dan bidadari-bidadari yang putih dan bermata luas yang cantik(22). Laksana mutiara yang tersimpan baik(23). Sebagai balasan terhadap amalan-amalan yang dilakukan mereka(24). Mereka tidak mendengar di dalamnya (Syurga) sebarang perkataan yang kosong dan sebarang perkataan yang berdosa(25). Melainkan ucapan selamat, selamat(26). Dan golongan kanan, siapakah golongan kanan?(27). Mereka berada di bawah pokok-pokok bidara yang tidak berduri(28). Dan pokok-pokok talha yang tersusun rapi(29). Dan di bawah bayangan teduh yang terbentang panjang(30).Dan air yang sentiasa mengalir(31). Dan buah-buahan yang berbagai-bagai jenis(32). Yang tidak pernah putus dan tidak pula terlarang(33). Dan katil-katil yang tinggi(34). Sesungguhnya Kami ciptakan mereka (para bidadari dan isteri) dengan ciptaan yang baru"(35).

فَجَعَلۡنَٰهُنَّ أَبۡكَارًا ﴿٣٦﴾

عُرُبًا أَتۡرَابٗا ﴿٣٧﴾

لِّأَصۡحَٰبِ ٱلۡيَمِينِ ﴿٣٨﴾

ثُلَّةٞ مِّنَ ٱلۡأَوَّلِينَ ﴿٣٩﴾

وَثُلَّةٞ مِّنَ ٱلۡأٓخِرِينَ ﴿٤٠﴾

وَأَصۡحَٰبُ ٱلشِّمَالِ مَآ أَصۡحَٰبُ ٱلشِّمَالِ ﴿٤١﴾

فِي سَمُومٖ وَحَمِيمٖ ﴿٤٢﴾

وَظِلّٖ مِّن يَحۡمُومٖ ﴿٤٣﴾

لَّا بَارِدٖ وَلَا كَرِيمٍ ﴿٤٤﴾

إِنَّهُمۡ كَانُواْ قَبۡلَ ذَٰلِكَ مُتۡرَفِينَ ﴿٤٥﴾

وَكَانُواْ يُصِرُّونَ عَلَى ٱلۡحِنثِ ٱلۡعَظِيمِ ﴿٤٦﴾

وَكَانُواْ يَقُولُونَ أَئِذَا مِتۡنَا وَكُنَّا تُرَابٗا وَعِظَٰمًا أَءِنَّا لَمَبۡعُوثُونَ ﴿٤٧﴾

أَوَءَابَآؤُنَا ٱلۡأَوَّلُونَ ﴿٤٨﴾

قُلۡ إِنَّ ٱلۡأَوَّلِينَ وَٱلۡأٓخِرِينَ ﴿٤٩﴾

لَمَجۡمُوعُونَ إِلَىٰ مِيقَٰتِ يَوۡمٖ مَّعۡلُومٖ ﴿٥٠﴾

ثُمَّ إِنَّكُمۡ أَيُّهَا ٱلضَّآلُّونَ ٱلۡمُكَذِّبُونَ ﴿٥١﴾

لَأٓكِلُونَ مِن شَجَرٖ مِّن زَقُّومٖ ﴿٥٢﴾

فَمَالِـُٔونَ مِنۡهَا ٱلۡبُطُونَ ﴿٥٣﴾

فَشَٰرِبُونَ عَلَيۡهِ مِنَ ٱلۡحَمِيمِ ﴿٥٤﴾

فَشَٰرِبُونَ شُرۡبَ ٱلۡهِيمِ ﴿٥٥﴾

"Lalu Kami jadikan mereka dara sunti belaka(36). Mereka mencintai suami-suami mereka dan berusia sebaya dan muda(37). Semuanya disediakan untuk golongan kanan(38). Mereka merupakan sebilangan yang besar dari angkatan yang terdahulu(39). Dan sebilangan besar dari angkatan yang kemudian(40). Dan golongan kiri, siapakah golongan kiri?(41). Mereka diseksa dalam angin yang panas dan air yang mendidih (42). Dan di bawah naungan asap yang hitam(43). Yang tidak pernah sejuk dan tidak pula pernah selesa(44). Sesungguhnya mereka sebelum itu hidup mewah(45). Dan mereka sentiasa melakukan dosa yang besar(46). Dan mereka dahulu selalu berkata: Jika kita mati dan kita menjadi tanah dan tulang-tulang, apakah kita akan dibangkitkan kembali?(47). Atau apakah nenek moyang kita yang terdahulu (akan turut dibangkitkan kembali)? (48). Katakanlah: Sesungguhnya seluruh orang yang dahulu dan orang yang kemudian(49). Akan dihimpunkan pada masa yang ditentukan di hari Qiamat yang termaklum(50). Kemudian kamu sekalian, wahai orang-orang yang sesat lagi pendusta(51). Akan memakan dari pokok-pokok iaitu pokok zaqqum(52). Dan kamu akan penuhkan perut kamu dengannya(53). Selepas itu kamu akan minum air yang mendidih(54). Kamu akan minumnya dengan lahap laksana minuman unta yang ditimpa penyakit dahaga"(55).

هَٰذَا نُزُلُهُمۡ يَوۡمَ ٱلدِّينِ ﴿٥٦﴾

نَحۡنُ خَلَقۡنَٰكُمۡ فَلَوۡلَا تُصَدِّقُونَ ﴿٥٧﴾

أَفَرَءَيۡتُم مَّا تُمۡنُونَ ﴿٥٨﴾

ءَأَنتُمۡ تَخۡلُقُونَهُۥٓ أَمۡ نَحۡنُ ٱلۡخَٰلِقُونَ ﴿٥٩﴾

نَحۡنُ قَدَّرۡنَا بَيۡنَكُمُ ٱلۡمَوۡتَ وَمَا نَحۡنُ بِمَسۡبُوقِينَ ﴿٦٠﴾

عَلَىٰٓ أَن نُّبَدِّلَ أَمۡثَٰلَكُمۡ وَنُنشِئَكُمۡ فِي مَا لَا تَعۡلَمُونَ ﴿٦١﴾

وَلَقَدۡ عَلِمۡتُمُ ٱلنَّشۡأَةَ ٱلۡأُولَىٰ فَلَوۡلَا تَذَكَّرُونَ ﴿٦٢﴾

أَفَرَءَيۡتُم مَّا تَحۡرُثُونَ ﴿٦٣﴾

ءَأَنتُمۡ تَزۡرَعُونَهُۥٓ أَمۡ نَحۡنُ ٱلزَّٰرِعُونَ ﴿٦٤﴾

لَوْ نَشَاءُ لَجَعَلْنَاهُ حُطَامًا فَظَلْتُمْ تَفَكَّهُونَ ﴿٦٥﴾

إِنَّا لَمُغْرَمُونَ ﴿٦٦﴾

بَلْ نَحْنُ مَحْرُومُونَ ﴿٦٧﴾

أَفَرَءَيْتُمُ ٱلْمَاءَ ٱلَّذِى تَشْرَبُونَ ﴿٦٨﴾

ءَأَنتُمْ أَنزَلْتُمُوهُ مِنَ ٱلْمُزْنِ أَمْ نَحْنُ ٱلْمُنزِلُونَ ﴿٦٩﴾

لَوْ نَشَاءُ جَعَلْنَاهُ أُجَاجًا فَلَوْلَا تَشْكُرُونَ ﴿٧٠﴾

"Inilah hidangan-hidangan keraian untuk mereka pada hari Qiamat(56). Kamilah yang telah menciptakan kamu, oleh itu, mengapa kamu tidak percaya (kepada hari kebangkitan semula)?(57). Tidakkah kamu perhatikan air mani yang dipancutkan?(58).Apakah kamu yang menciptakannya atau Kami yang menciptakannya?(59). Kamilah yang menentukan maut di antara kamu dan Kami tidak akan dilemahkan(60). Untuk menggantikan kamu dengan orang-orang yang seperti kamu dan untuk menciptakan kamu dalam bentuk yang tidak diketahui kamu(61). Sesungguhnya kamu telah mengetahui penciptaan hidup yang pertama. Oleh itu, mengapa kamu tidak mengambil ingatan (bahawa Allah berkuasa mengulangkan penciptaan hidup itu di Akhirat)?(62). Tidakkah kamu perhatikan apa yang kamu tanam?(63). Kamukah yang menanamnya atau Kamikah yang menanamkannya?(64). Jika Kami kehendaki nescaya Kami jadikannya. kering dan reput dan menyebabkan kamu sekalian berdukacita(65). (Dan berkata) sesungguhnya kami telah mendapat kerugian(66). Bahkan kami sekalian menjadi hampa(67). Tidakkah kamu perhatikan air yang kamu minum?(68). Kamukah yang menurunkannya dari awan atau Kamikah yang menurunkannya?(69). Jika Kami kehendaki nescaya Kami jadikannya masin, mengapakah kamu tidak bersyukur?"(70).

أَفَرَءَيْتُمُ ٱلنَّارَ ٱلَّتِى تُورُونَ ﴿٧١﴾

ءَأَنتُمْ أَنشَأْتُمْ شَجَرَتَهَا أَمْ نَحْنُ ٱلْمُنشِـُٔونَ ﴿٧٢﴾

نَحْنُ جَعَلْنَاهَا تَذْكِرَةً وَمَتَاعًا لِّلْمُقْوِينَ ﴿٧٣﴾

فَسَبِّحْ بِٱسْمِ رَبِّكَ ٱلْعَظِيمِ ﴿٧٤﴾

فَلَا أُقْسِمُ بِمَوَاقِعِ ٱلنُّجُومِ ﴿٧٥﴾

وَإِنَّهُۥ لَقَسَمٌ لَّوْ تَعْلَمُونَ عَظِيمٌ ﴿٧٦﴾

إِنَّهُۥ لَقُرْءَانٌ كَرِيمٌ ﴿٧٧﴾

فِى كِتَابٍ مَّكْنُونٍ ﴿٧٨﴾

لَّا يَمَسُّهُۥٓ إِلَّا ٱلْمُطَهَّرُونَ ﴿٧٩﴾

تَنزِيلٌ مِّن رَّبِّ ٱلْعَالَمِينَ ﴿٨٠﴾

أَفَبِهَٰذَا ٱلْحَدِيثِ أَنتُم مُّدْهِنُونَ ﴿٨١﴾

وَتَجْعَلُونَ رِزْقَكُمْ أَنَّكُمْ تُكَذِّبُونَ ﴿٨٢﴾

فَلَوْلَآ إِذَا بَلَغَتِ ٱلْحُلْقُومَ ﴿٨٣﴾

وَأَنتُمْ حِينَئِذٍ تَنظُرُونَ ﴿٨٤﴾

وَنَحْنُ أَقْرَبُ إِلَيْهِ مِنكُمْ وَلَٰكِن لَّا تُبْصِرُونَ ﴿٨٥﴾

فَلَوْلَآ إِن كُنتُمْ غَيْرَ مَدِينِينَ ﴿٨٦﴾

تَرْجِعُونَهَآ إِن كُنتُمْ صَادِقِينَ ﴿٨٧﴾

فَأَمَّآ إِن كَانَ مِنَ ٱلْمُقَرَّبِينَ ﴿٨٨﴾

فَرَوْحٌ وَرَيْحَانٌ وَجَنَّتُ نَعِيمٍ ﴿٨٩﴾

وَأَمَّآ إِن كَانَ مِنْ أَصْحَابِ ٱلْيَمِينِ ﴿٩٠﴾

فَسَلَامٌ لَّكَ مِنْ أَصْحَابِ ٱلْيَمِينِ ﴿٩١﴾

وَأَمَّآ إِن كَانَ مِنَ ٱلْمُكَذِّبِينَ ٱلضَّآلِّينَ ﴿٩٢﴾

فَنُزُلٌ مِّنْ حَمِيمٍ ﴿٩٣﴾

وَتَصْلِيَةُ جَحِيمٍ ﴿٩٤﴾

إِنَّ هَٰذَا لَهُوَ حَقُّ ٱلْيَقِينِ ﴿٩٥﴾

فَسَبِّحْ بِٱسْمِ رَبِّكَ ٱلْعَظِيمِ ﴿٩٦﴾

"Tidakkah kamu perhatikan api yang kamu nyalakannya?(71). Kamukah yang menciptakan pokoknya atau Kamikah yang menciptakannya?(72). Kami jadikan api itu peringatan (kepada api Akhirat) dan kesenangan kepada orang yang musafir(73). Oleh itu, bertasbihlah dengan nama Tuhanmu Yang Maha Besar(74). Sesungguhnya Aku tidak payah bersumpah dengan tempat-tempat bintang-bintang(75). Sesungguhnya sumpah itu suatu sumpah yang amat besar jika kamu mengetahui(76). Sesungguhnya (yang dibacakan kepada kamu itu) adalah Al-Qur'an yang mulia(77). Yang tercatat di dalam sebuah kitab yang terpelihara(78). Ia tidak disentuh melainkan oleh mereka yang suci(79). Ia diturunkan dari Tuhan yang memelihara semesta alam(80). Apakah kamu bersikap mendustakan Al-Qur'an ini?(81). Dan kamu jadikan habuan rezeki kamu ialah mendustakan Al-Qur'an(82). Mengapa tidak - ketika roh (orang yang sedang naza' itu) sampai ke halkum?(83). Dan kamu sendiri ketika itu melihatnya(84). Dan Kami pula lebih hampir kepadanya dari kamu, tetapi kamu tidak nampak(85). Dan mengapa

tidak - jika kamu benar tidak dihisab dan dibalas?(86). Kamu kembalikan roh itu semula (ke jasadnya) jika kamu benar(87). Jika si mati itu dari golongan Muqarrabin(88). Maka ia akan memperolehi kesenangan, rezeki yang mewah dan Syurga yang penuh ni'mat(89). Jika dia dari golongan kanan(90). Maka untukmu ucapan: Selamat sejahtera dari golongan kanan(91). Dan jika dia dari golongan pendusta dan sesat(92). Maka ia akan menerima keraian dari air yang mendidih(93). Dan selaran api Neraka(94). Sesungguh-nya (segala apa yang disebutkan) ini adalah kebenaran yang amat diyakinkan(95). Oleh itu bertasbihlah dengan nama Tuhanmu Yang Maha Besar"(96).

(Latar belakang dan pokok pembicaraan)

Al-Waqi'ah ialah nama surah dan penjelasan terhadap maudhu' pembicaraannya. Persoalan pertama yang dibicarakan Surah-surah Makkiyah ialah persoalan hari Akhirat sebagai jawapan kepada perkataan orang-orang yang meraguinya yang mensyirikkan Allah dan mendustakan Al-Qur'an:

وَكَانُوا۟ يَقُولُونَ أَئِذَا مِتْنَا وَكُنَّا تُرَابًا وَعِظَٰمًا أَءِنَّا لَمَبْعُوثُونَ ﴿٤٧﴾

أَوَءَابَآؤُنَا ٱلْأَوَّلُونَ ﴿٤٨﴾

"Dan mereka dulu selalu berkata: Jika kita mati dan kita menjadi tanah dan tulang-tulang, apakah kita akan dibangkitkan kembali?(47). Atau apakah nenek moyang kita yang terdahulu (akan turut dibangkitkan kembali)?"(48)

kerana itu surah ini dimulakan dengan menerangkan sifat-sifat Qiamat dengan penerangan yang jelas yang menamatkan segala keingkaran, dan memutuskan segala keraguan. Ia menerangkan al-Waqi'ah (hari Qiamat yang tetap berlaku) itu dengan jelas:

إِذَا وَقَعَتِ ٱلْوَاقِعَةُ ﴿١﴾

لَيْسَ لِوَقْعَتِهَا كَاذِبَةٌ ﴿٢﴾

"Apabila berlaku Qiamat yang tetap berlaku(1). Tiada siapa pun yang dapat mendustakan kejadiannya."(2)

Surah ini menyebut peristiwa-peristiwa yang akan berlaku pada hari Qiamat yang membezakan dari segala hari yang lain. Pada hari itu kedudukan-kedudukan manusia berubah-ubah, keadaan-keadaan bumi turut bertukar dalam suasana kehuru-haraan yang dahsyat, di mana bumi ditukarkan dengan bumi yang lain dan nilai-nilai ditukarkan dengan nilai-nilai yang lain.

خَافِضَةٌ رَّافِعَةٌ ﴿٣﴾

إِذَا رُجَّتِ ٱلْأَرْضُ رَجًّا ﴿٤﴾

وَبُسَّتِ ٱلْجِبَالُ بَسًّا ﴿٥﴾

فَكَانَتْ هَبَآءً مُّنۢبَثًّا ﴿٦﴾

وَكُنتُمْ أَزْوَٰجًا ثَلَٰثَةً ﴿٧﴾

"Ia merendahkan satu golongan dan mengangkatkan satu golongan yang lain(3). Apabila bumi digoncangkan dengan sekuat-kuatnya(4). Dan gunung-ganang dileburkan dengan selebur-leburnya(5). Lalu ia menjadi debu yang berterbangan(6). Dan kamu menjadi tiga golongan."(7)

Kemudian surah ini memperincikan kesudahan tiga golongan ini iaitu golongan pelopor, golongan kanan dan golongan kiri, dan menerangkan satu persatu ni'mat dan 'azab yang akan diterima mereka, yang membuat hati kita benar-benar merasa bahawa perkara ini tetap akan berlaku. Tiada ruang untuk diragui. Itulah penerangan yang terperinci yang ditayangkan di depan mata sehingga pendusta-pendusta itu melihat dengan mata kepala mereka bagaimana nasib mereka dan nasib orang-orang yang beriman, dan sehingga diceritakan keadaan hidup mereka di masa yang silam setelah diterangkan 'azab seksa yang amat pedih yang sedang dialami mereka:

إِنَّهُمْ كَانُوا۟ قَبْلَ ذَٰلِكَ مُتْرَفِينَ ﴿٤٥﴾

وَكَانُوا۟ يُصِرُّونَ عَلَى ٱلْحِنثِ ٱلْعَظِيمِ ﴿٤٦﴾

وَكَانُوا۟ يَقُولُونَ أَئِذَا مِتْنَا وَكُنَّا تُرَابًا وَعِظَٰمًا أَءِنَّا لَمَبْعُوثُونَ ﴿٤٧﴾

أَوَءَابَآؤُنَا ٱلْأَوَّلُونَ ﴿٤٨﴾

"Sesungguhnya mereka sebelum itu hidup mewah(45). Dan mereka sentiasa melakukan dosa yang besar(46). Dan mereka dahulu selalu berkata: Jika kita mati dan kita menjadi tanah dan tulang-tulang, apakah kita akan dibangkitkan kembali?(47). Atau apakah nenek moyang kita yang terdahulu (akan turut dibangkitkan kembali)?"(48)

Ia menjelaskan 'azab itu seolah-olah 'azab itulah yang berada sekarang, sedangkan dunia telah berlalu yang hanya disebut untuk tujuan mengeji dan mencela iaitu mengejikan keadaan hidup mereka di dunia dan mencelakan perbuatan mereka yang mendustakan Al-Qur'an.

Dengan ini tamatlah pusingan pertama surah ini dan bermulalah satu pusingan baru yang membicarakan persoalan 'aqidah dengan tujuan untuk menekankan persoalan kebangkitan semula yang menjadi maudhu' utama surah ini serta mengemukakan singgungan-singgungan yang berkesan, di mana bahannya dan pembicaraannya diambil dari perkara-perkara yang berlaku di bawah pengalaman manusia dalam lingkungan pemandangan-pemandangan lumrah yang tidak sunyi dalam pengalaman seseorang biarpun bagaimana keadaan alam sekitarnya, darjah ilmu pengetahuannya dan pengalamannya.

Ia mengemukakan kisah penciptaan mereka yang pertama dari nutfah yang dipancutkan, juga

mengemukakan kisah kematian mereka dan kisah penciptaan orang-orang lain seperti mereka selepas kematian mereka untuk membuktikan kekuasaan Allah mengadakan penciptaan semula yang tidak berbeza dari segi sifat dan kemudahannya dari penciptaan yang pertama yang diketahui seluruh mereka.

Ia mengemukakan gambaran tanaman iaitu gambaran penciptaan hayat dalam salah satu dari berbagai-bagai bentuk rupanya. Hayat tumbuh-tumbuhan itu diciptakan qudrat Allah, dan jika Allah tidak kehendaki, maka ia tidak akan terjadi. Dan jika Allah tidak kehendaki, maka ia tidak akan mengeluarkan buah.

Ia mengemukakan gambaran kejadian air yang menjadi punca seluruh hayat. Air itu juga bergantung kepada qudrat Allah yang menurunkannya dari awan. Dan jika Allah kehendaki, Dia akan jadikan air itu masin tidak menumbuhkan tanaman yang hidup dan tidak layak untuk hayat.

Ia mengemukakan gambaran kejadian api yang dinyalakan mereka yang berpunca dari pokok, dan ketika Ia menyebut api Ia mengingatkan manusia kepada api di Akhirat yang diragui mereka.

Semuanya merupakan gambaran-gambaran biasa dalam kehidupan mereka di alam kenyataan yang menyentuh hati mereka. Ia tidak menuntut dari mereka melainkan supaya mereka menyedari qudrat kuasa Allah yang mencipta dan mengendalikannya.

Demikianlah juga dalam pusingan ini Ia menyentuh persoalan Al-Qur'an yang menceritakan-kepada mereka tentang hari Qiamat. Mereka meragui janji-janji batasan 'azab Qiamat kerana itu Ia bersumpah dengan tempat-tempat peredaran bintang, dan Ia membesar-besarkan sumpah itu untuk menerangkan bahawa kitab ini ialah Al-Qur'anul Karim yang tercatat dalam sebuah kitab yang terpelihara, tiada yang menyentuhnya melainkan mereka yang suci dan ia diturunkan dari Allah yang memelihara semesta alam.

Kemudian pada akhirnya Al-Qur'an mengemukakan kepada mereka pemandangan seorang insan yang sedang dalam naza' maut dengan satu singgungan yang berkesan dan mendalam, iaitu ketika rohnya sampai ke halkum dan ketika dia berdiri di tepi alam Akhirat, dan seluruh mereka yang berada di sekelilingnya tidak dapat berbuat apa-apa dan tidak mengetahui apa yang sedang berlaku di sekitarnya dan di dalam dirinya. Dia menyerahkan seluruh urusannya kepada Allah sebelum dia berpisah dengan alam hidup dunia ini. Dia melihat jalan yang akan ditempuhinya tetapi dia tidak dapat berkata apa-apa dan tidak dapat memberi apa-apa isyarat untuk menjelaskan apa-apa yang dilihatnya.

Kemudian surah ini ditamatkan dengan menegaskan kebenaran berita Al-Qur'an yang benar dan dengan tasbih terhadap Allah Tuhan Pencipta:

إِنَّ هَٰذَا لَهُوَ حَقُّ ٱلۡيَقِينِ ﴿٩٥﴾
فَسَبِّحۡ بِٱسۡمِ رَبِّكَ ٱلۡعَظِيمِ ﴿٩٦﴾

"Sesungguhnya (segala apa yang disebutkan) ini adalah kebenaran yang amat diyakinkan(95). Oleh itu bertasbihlah dengan nama Tuhanmu Yang Maha Besar."(96)

Dengan ayat penamat ini bertautlah permulaan surah dengan akhirnya dalam satu bentuk pertautan yang sempurna.

******

(Pentafsiran ayat-ayat 1 - 6)

إِذَا وَقَعَتِ ٱلۡوَاقِعَةُ ﴿١﴾
لَيۡسَ لِوَقۡعَتِهَا كَاذِبَةٌ ﴿٢﴾
خَافِضَةٞ رَّافِعَةٌ ﴿٣﴾
إِذَا رُجَّتِ ٱلۡأَرۡضُ رَجّٗا ﴿٤﴾
وَبُسَّتِ ٱلۡجِبَالُ بَسّٗا ﴿٥﴾
فَكَانَتۡ هَبَآءٗ مُّنۢبَثّٗا ﴿٦﴾

"Apabila berlaku Qiamat yang tetap berlaku(1). Tiada siapa pun yang dapat mendustakan kejadiannya(2). Ia merendahkan satu golongan dan mengangkatkan satu golongan yang lain(3). Apabila bumi digoncangkan dengan sekuat-kuatnya(4). Dan gunung-ganang dileburkan dengan selebur-leburnya(5). Lalu ia menjadi debu yang berterbangan."(6)

Permulaan surah ini cukup jelas mengandungi unsur penggerunan dalam pembentangan peristiwa Qiamat yang agung itu. Ia menggunakan satu uslub istimewa untuk menonjolkan maksud ini. Uslub itu selaras dengan tujuan ungkapan itu. Sebanyak dua kali ia mulakan dengan kata-kata **"apabila"** (إذا) dengan menyebut syaratnya tetapi tidak menyebut jawapannya.

إِذَا وَقَعَتِ ٱلۡوَاقِعَةُ ﴿١﴾
لَيۡسَ لِوَقۡعَتِهَا كَاذِبَةٌ ﴿٢﴾
خَافِضَةٞ رَّافِعَةٌ ﴿٣﴾

"Apabila berlaku Qiamat yang tetap berlaku(1). Tiada siapa pun yang dapat mendustakan kejadiannya(2). Ia merendahkan satu golongan dan mengangkatkan satu golongan yang lain."(3)

Dia tidak berkata: Apakah yang akan berlaku apabila Qiamat itu telah berlaku dan tiada siapa pun

yang dapat mendustakan kejadiannya dan ia merendahkan satu golongan dan meninggikan satu golongan yang lain? Tetapi ia memulakan satu pembicaraan yang baru pula:

إِذَا رُجَّتِ ٱلۡأَرۡضُ رَجّٗا ٤
وَبُسَّتِ ٱلۡجِبَالُ بَسّٗا ٥
فَكَانَتۡ هَبَآءٗ مُّنۢبَثّٗا ٦

"Apabila bumi digoncangkan dengan sekuat-kuatnya(4). Dan gunung-ganang dileburkan dengan selebur-leburnya(5). Lalu ia menjadi debu yang berterbangan."(6)

Sekali lagi ia tidak berkata: Apakah yang akan berlaku apabila hari Qiamat yang dahsyat itu berlaku. Seolah-olah hari Qiamat yang dahsyat itu semuanya merupakan muqaddimah yang tidak disebutkan natijahnya kerana natijahnya lebih dahsyat dari yang dapat dijelaskan dengan kata-kata dan ungkapan itu.

Uslub istimewa ini sesuai dengan gambaran dahsyat dan ngeri yang dilukiskan oleh permulaan ayat itu sendiri. Kata-kata **"al-waqi'ah"**(الواقعة) dengan makna dan bunyi lafaznya itu sendiri yang memanjang kemudian menyepi melemparkan dalam perasaan kita seolah-olah satu benda berat terjatuh dari tempat yang tinggi kemudian menetap teguh tidak bergerak:

لَيۡسَ لِوَقۡعَتِهَا كَاذِبَةٌ ٢

"Tiada siapa pun yang dapat mendustakan kejadiannya."(2)

Kemudian keguguran benda yang berat itu seolah diduga akan menimbulkan goncangan apabila ia jatuh, lalu dugaan-dugaan itu disambut dengan penerangan:

خَافِضَةٞ رَّافِعَةٌ ٣

"Ia merendahkan satu golongan dan mengangkatkan satu golongan yang lain."(3)

Perubahan Darjat Dan Martabat Manusia Pada Hari Qiamat

Maksudnya, akibat Qiamat itu akan menjatuhkan kedudukan-kedudukan yang tinggi di bumi dan meningkatkan kedudukan-kedudukan yang rendah di dunia yang fana di mana pertimbangan-pertimbangan dan nilai-nilai meleset dan mungkir, dan setelah itu barulah pertimbangan-pertimbangan dan nilai-nilai menjadi betul dalam neraca Allah.

Kemudian timbullah perubahan yang dahsyat di bumi ini. Bumi yang selama ini dirasa manusia tetap mantap itu tiba-tiba bergoncang dengan sekuat-kuatnya, gunung-ganang yang pejal itu tiba-tiba berubah menjadi debu-debu yang berterbangan. Alangkah dahsyatnya Qiamat yang menggoncangkan bumi dengan sekuat-kuat goncangan dan melebur gunung-ganang menjadi debu-debu yang berterbangan. Alangkah bodohnya orang-orang yang menghadapi hari itu, sedangkan mereka tidak percaya kepada hari Akhirat dan mempersekutukan Allah sedangkan mereka melihat kesan hari Qiamat itu pada bumi dan gunung-ganang.

Demikianlah surah ini memulakan penerangannya dengan peristiwa Qiamat yang menggegarkan hati manusia dan menakutkannya, iaitu satu persoalan yang telah ditolak dan didustakan orang-orang Musyrikin. Pemandangan pertama hari Qiamat ini berakhir, dan dapatlah kita melihat kesan-kesannya yang merendah dan meninggikan kedudukan-kedudukan manusia dan nasib kesudahan mereka yang akhir.

******

(Pentafsiran ayat-ayat 7 – 10)

Manusia Pada Hari Qiamat Dibahagikan Kepada Tiga Golongan

وَكُنتُمۡ أَزۡوَٰجٗا ثَلَٰثَةٗ ٧
فَأَصۡحَٰبُ ٱلۡمَيۡمَنَةِ مَآ أَصۡحَٰبُ ٱلۡمَيۡمَنَةِ ٨
وَأَصۡحَٰبُ ٱلۡمَشۡـَٔمَةِ مَآ أَصۡحَٰبُ ٱلۡمَشۡـَٔمَةِ ٩
وَٱلسَّٰبِقُونَ ٱلسَّٰبِقُونَ ١٠

"Dan kamu menjadi tiga golongan(7). Iaitu golongan kanan, siapakah golongan kanan?(8). Dan golongan kiri, siapakah golongan kiri?(9). Golongan pelopor ialah golongan pelopor."(10)

Di sini kita dapati manusia dibahagikan kepada tiga golongan, bukannya dua golongan seperti yang selalu dibahagikan di dalam pemandangan-pemandangan yang dikemukakan Al-Qur'an. Ia mulakan penerangannya dengan golongan kanan, tetapi ia tidak menjelaskan sifat mereka dengan terperinci, cuma ia menyebut mereka dengan sebuah pertanyaan yang membayangkan kelebihan mereka yang amat besar:

فَأَصۡحَٰبُ ٱلۡمَيۡمَنَةِ مَآ أَصۡحَٰبُ ٱلۡمَيۡمَنَةِ ٨

"Iaitu golongan kanan, siapakah golongan kanan?"(8)

Begitu juga ia menyebut golongan kiri dengan uslub yang sama kemudian ia menyebut golongan yang ketiga iaitu golongan pelopor. Ia menyebut mereka dengan sifat mereka.

وَٱلسَّٰبِقُونَ ٱلسَّٰبِقُونَ ١٠

"Golongan pelopor ialah golongan pelopor."(10)

Seolah-olah ia berkata, "mereka ialah mereka." Cukup setakat ini sahaja kerana begitulah kedudukan mereka yang tetap tinggi itu dan sebarang penerangan yang lain tidak menambahkan suatu apa lagi.

Ni'mat-ni'mat Dalam Syurga Yang Disediakan Untuk Golongan Pelopor "السابقون"

Kerana itu ia mula menerangkan kedudukan mereka di sisi Allah dan menjelaskan satu persatu ni'mat-ni'mat yang disediakan Allah untuk mereka dari berbagai-bagai jenisnya yang dapat difahami hati manusia yang ditujukan ayat-ayat ini, dan dapat dimengerti dengan ilmu pengetahuan dan pengalaman-pengalaman mereka.

(Pentafsiran ayat-ayat 11 - 26)

أُوْلَٰٓئِكَ ٱلْمُقَرَّبُونَ ﴿١١﴾
فِي جَنَّٰتِ ٱلنَّعِيمِ ﴿١٢﴾
ثُلَّةٌ مِّنَ ٱلْأَوَّلِينَ ﴿١٣﴾
وَقَلِيلٌ مِّنَ ٱلْأٓخِرِينَ ﴿١٤﴾
عَلَىٰ سُرُرٍ مَّوْضُونَةٍ ﴿١٥﴾
مُّتَّكِـِٔينَ عَلَيْهَا مُتَقَٰبِلِينَ ﴿١٦﴾
يَطُوفُ عَلَيْهِمْ وِلْدَٰنٌ مُّخَلَّدُونَ ﴿١٧﴾
بِأَكْوَابٍ وَأَبَارِيقَ وَكَأْسٍ مِّن مَّعِينٍ ﴿١٨﴾
لَّا يُصَدَّعُونَ عَنْهَا وَلَا يُنزِفُونَ ﴿١٩﴾
وَفَٰكِهَةٍ مِّمَّا يَتَخَيَّرُونَ ﴿٢٠﴾

"Merekalah golongan Muqarrabin(11). Mereka ditempatkan di dalam Syurga yang penuh ni'mat(12). Mereka merupakan sebilangan besar dari angkatan yang terdahulu(13). Dan sebilangan yang kecil dari angkatan yang kemudian(14). Mereka beristirehat di atas takhta-takhta yang bertatah.(15) Mereka bersandar di atasnya dengan berhadapan muka(16). Mereka dikelilingi belia-belia yang kekal muda(17). Menghidangkan mangkuk-mangkuk, tekoh-tekoh dan gelas-gelas minuman dari matair yang terus mengalir(18). Mereka tidak pening kerana meminumnya dan tidak pula mabuk(19). Dan mereka dihidangkan dengan buah-buahan dari pilihan mereka."(20)

وَلَحْمِ طَيْرٍ مِّمَّا يَشْتَهُونَ ﴿٢١﴾
وَحُورٌ عِينٌ ﴿٢٢﴾
كَأَمْثَٰلِ ٱللُّؤْلُوِ ٱلْمَكْنُونِ ﴿٢٣﴾
جَزَآءَۢ بِمَا كَانُواْ يَعْمَلُونَ ﴿٢٤﴾
لَا يَسْمَعُونَ فِيهَا لَغْوًا وَلَا تَأْثِيمًا ﴿٢٥﴾
إِلَّا قِيلًا سَلَٰمًا سَلَٰمًا ﴿٢٦﴾

"Dan daging burung yang diidami mereka(21). Dan bidadari-bidadari yang putih dan bermata luas yang cantik(22). Laksana mutiara yang tersimpan baik(23). Sebagai balasan terhadap amalan-amalan yang dilakukan mereka(24). Mereka tidak mendengar di dalamnya (Syurga) sebarang perkataan yang kosong dan sebarang perkataan yang berdosa(25). Melainkan ucapan selamat, selamat."(26)

Al-Qur'an mulakan penerangan tentang ni'mat-ni'mat itu dengan ni'mat yang paling besar dan ni'mat yang paling luhur iaitu ni'mat kehampiran dengan Allah:

أُوْلَٰٓئِكَ ٱلْمُقَرَّبُونَ ﴿١١﴾
فِي جَنَّٰتِ ٱلنَّعِيمِ ﴿١٢﴾

"Merekalah golongan Muqarrabin(11). Mereka ditempatkan di dalam Syurga yang penuh ni'mat."(12)

Seluruh ni'mat Syurga tidak sama dengan ni'mat kehampiran dengan Allah. Kerana itu Al-Qur'an berhenti setakat ini sahaja untuk menerangkan siapakah golongan yang mendapat ni'mat itu?

ثُلَّةٌ مِّنَ ٱلْأَوَّلِينَ ﴿١٣﴾
وَقَلِيلٌ مِّنَ ٱلْأٓخِرِينَ ﴿١٤﴾

"Mereka merupakan sebilangan besar dari angkatan yang terdahulu(13). Dan sebilangan yang kecil dari angkatan yang kemudian."(14)

Mereka terdiri dari bilangan manusia yang terbatas sahaja. Mereka adalah golongan pilihan. Sebilangan terbesar terdapat pada orang-orang yang dahulu dan sebilangan kecil terdapat pada orang-orang yang kemudian. Riwayat-riwayat tidak sepakat dalam menentukan siapakah yang dimaksudkan dengan orang-orang yang dahulu dan siapakah yang dimaksudkan dengan orang-orang yang kemudian. Pendapat pertama mengatakan bahawa yang dimaksudkan dengan orang-orang yang dahulu itu ialah orang-orang yang dahulu menyahut seruan iman dan mempunyai darjat dan martabat keimanan yang tinggi dari umat-umat yang lampau sebelum Islam, dan yang dimaksudkan dengan orang-orang yang kemudian ialah orang-orang yang dahulu memeluk Islam dan menderita dalam perjuangan Islam. Pendapat yang kedua: Yang dimaksudkan dengan orang-orang yang dahulu dan orang-orang yang kemudian ialah orang-orang dari umat Muhammad s.a.w. Orang-orang yang dahulu ialah angkatan pertama mereka dan orang-orang yang kemudian ialah angkatan mereka yang kebelakangan. Pendapat yang kedua ini telah ditarjihkan oleh Ibn Kathir dan beliau meriwayatkan dalam tarjihnya itu sebagai

pendapat al-Hassan dan Ibn Sirin. Ujar Ibn Abu Hatim: Kami telah diceritakan olah al-Hassan ibn Muhammad ibn as-Sabah, kami telah diceritakan oleh 'Affan, kami telah diceritakan oleh Abdullah ibn Abu Bakr al-Muzani: Saya dengar al-Hassan membaca ayat:

وَٱلسَّٰبِقُونَ ٱلسَّٰبِقُونَ ﴿١٠﴾

أُوْلَٰٓئِكَ ٱلْمُقَرَّبُونَ ﴿١١﴾

"Golongan pelopor ialah golongan pelopor(10). Merekalah golongan Muqarrabin."(11)

Lalu beliau berkata, "Golongan pelopor ini telah pun berlalu, tetapi Ya Tuhanku, jadikanlah kami dari golongan kanan." Kemudian katanya: Kami telah diceritakan oleh Abu al-Walid, kami telah diceritakan oleh as-Surri ibn Yahya katanya: Al-Hassan telah membaca:

وَٱلسَّٰبِقُونَ ٱلسَّٰبِقُونَ ﴿١٠﴾

أُوْلَٰٓئِكَ ٱلْمُقَرَّبُونَ ﴿١١﴾

فِي جَنَّٰتِ ٱلنَّعِيمِ ﴿١٢﴾

"Golongan pelopor ialah golongan pelopor(10). Merekalah golongan Muqarrabin(11). Mereka ditempatkan di dalam Syurga yang penuh ni'mat."(12)

Ujar beliau, "Sebilangan yang besar dari orang-orang yang dahulu dari umat ini"... dan kami telah diceritakan bapaku, kami diceritakan oleh Abdul Aziz ibn al-Mughirah al-Minqari, kami telah diceritakan oleh Abu Hilal dari Muhammad ibn Sirin bahawa beliau telah berkata tentang ayat:

ثُلَّةٌ مِّنَ ٱلْأَوَّلِينَ ﴿١٣﴾

وَقَلِيلٌ مِّنَ ٱلْأٓخِرِينَ ﴿١٤﴾

"Mereka merupakan sebilangan besar dari angkatan yang terdahulu(13). Dan sebilangan yang kecil dari angkatan yang kemudian."(14)

Katanya: "Mereka berkata atau mereka berharap bahawa golongan-golongan itu semuanya dari umat ini (umat Muhammad)."

Setelah menerangkan siapa mereka, Al-Qur'an mula memperincikan ni'mat-ni'mat Syurga yang telah disediakan untuk mereka. Dan tentulah ni'mat-ni'mat itu dari ni'mat-ni'mat yang dapat difahami mereka. Dan di sebalik ni'mat-ni'mat itu ialah ni'mat-ni'mat yang lain yang akan diketahui mereka di alam sana pada hari mereka telah bersedia untuk memahami ni'mat-ni'mat yang tak pernah dilihat mata, tak pernah didengar telinga dan tidak pernah terlintas di dalam hati manusia itu.

"Mereka beristirehat di atas takhta-takhta yang bertatah."(15)

Iaitu ditatahkan dengan logam-logam yang mahal harganya.

"Mereka bersandar di atasnya dengan berhadapan muka."(16)

Yakni dalam keadaan rehat dan senang-lenang tidak diganggukan kerungsingan dan kesibukan, dan dalam keadaan penuh tenteram meni'mati ni'mat-ni'mat itu tanpa sebarang kebimbangan akan hilang atau kehabisan. Dan mereka berhadapan satu sama lain sambil berbual-bual:

يَطُوفُ عَلَيْهِمْ وِلْدَٰنٌ مُّخَلَّدُونَ ﴿١٧﴾

"Mereka dikelilingi belia-belia yang kekal muda."(17)

Mereka tidak dimakan zaman. Kemudaan dan kebeliaan umur mereka tidak terjejas sebagaimana belia-belia seperti mereka yang hidup di bumi ini. Mereka mengelilingi membawa hidangan:

بِأَكْوَابٍ وَأَبَارِيقَ وَكَأْسٍ مِّن مَّعِينٍ ﴿١٨﴾

"Menghidangkan mangkuk-mangkuk, tekoh-tekoh dan gelas-gelas minuman dari matair yang terus mengalir."(18)

Yakni dari minuman khamar yang jernih dan citarasa.

لَّا يُصَدَّعُونَ عَنْهَا وَلَا يُنزِفُونَ ﴿١٩﴾

"Mereka tidak pening kerana meminumnya dan tidak pula mabuk."(19)

Mereka tidak berpisah dari minuman-minuman dan tidak pula minuman itu kehabisan di hadapan mereka. Segala sesuatu di dalam Syurga adalah kekal dan selamat.

"Dan mereka dihidangkan dengan buah-buahan dari pilihan mereka(20). Dan daging burung yang diidami mereka."(21)

Di dalam Syurga tiada suatu yang terlarang dan tiada suatu yang tidak sesuai dengan selera penghuni Syurga yang berbahagia dan kekal itu.

"Dan bidadari-bidadari yang putih dan bermata luas yang cantik(22). Laksana mutiara yang tersimpan baik."(23)

Mutiara yang tersimpan baik ialah mutiara yang terpelihara, tidak dijamah dan tidak dilihat, tidak ditebuk oleh tangan dan tidak dicakar oleh mata. Semuanya kiasan dari sifat-sifat lahir dan sifat-sifat jiwa yang amat halus pada makhluk bidadari, yang bermata luas yang cantik itu. Semuanya:

جَزَآءَۢ بِمَا كَانُواْ يَعۡمَلُونَ ﴿٢٤﴾

"Sebagai balasan terhadap amalan-amalan yang dilakukan mereka."(24)

Itu adalah balasan terhadap amalan-amalan yang telah dilakukan di dunia selaku negeri tempat bekerja, iaitu satu balasan yang sempurna yang tidak terdapat di dalam ni'mat-ni'mat dunia yang fana. Kemudian selepas itu mereka hidup tenang, aman, bersih dari sebarang percakapan yang sia-sia, bersih dari perdebatan dan salah menyalah di antara satu sama lain:

لَا يَسۡمَعُونَ فِيهَا لَغۡوٗا وَلَا تَأۡثِيمًا ﴿٢٥﴾

إِلَّا قِيلٗا سَلَٰمٗا سَلَٰمٗا ﴿٢٦﴾

"Mereka tidak mendengar di dalamnya (Syurga) sebarang perkataan yang kosong dan sebarang perkataan yang berdosa(25). Melainkan ucapan selamat, selamat."(26)

Maksudnya, seluruh hidup mereka berada dalam aman damai, selamat dan sejahtera. Para malaikat mengucapkan selamat sejahtera kepada mereka di dalam suasana yang tenteram dan aman, sedangkan mereka pula mengucap selamat sejahtera terhadap satu sama lain. Ucapan selamat sejahtera juga disampaikan kepada mereka dari Allah Yang Maha Penyayang. Seluruh suasana di dalam Syurga diselubungi kesejahteraan.

******

(Pentafsiran ayat-ayat 27 - 40)

Ni'mat-ni'mat Yang Disediakan Dalam Syurga Untuk Golongan Kanan (أصحاب اليمين)

Setelah selesai menceritakan golongan pelopor yang terpilih itu, Al-Qur'an mula menceritakan pula golongan kanan yang mengiringinya:

وَأَصۡحَٰبُ ٱلۡيَمِينِ مَآ أَصۡحَٰبُ ٱلۡيَمِينِ ﴿٢٧﴾

فِي سِدۡرٖ مَّخۡضُودٖ ﴿٢٨﴾

وَطَلۡحٖ مَّنضُودٖ ﴿٢٩﴾

وَظِلّٖ مَّمۡدُودٖ ﴿٣٠﴾

وَمَآءٖ مَّسۡكُوبٖ ﴿٣١﴾

وَفَٰكِهَةٖ كَثِيرَةٖ ﴿٣٢﴾

لَّا مَقۡطُوعَةٖ وَلَا مَمۡنُوعَةٖ ﴿٣٣﴾

وَفُرُشٖ مَّرۡفُوعَةٍ ﴿٣٤﴾

إِنَّآ أَنشَأۡنَٰهُنَّ إِنشَآءٗ ﴿٣٥﴾

فَجَعَلۡنَٰهُنَّ أَبۡكَارًا ﴿٣٦﴾

عُرُبًا أَتۡرَابٗا ﴿٣٧﴾

لِّأَصۡحَٰبِ ٱلۡيَمِينِ ﴿٣٨﴾

ثُلَّةٞ مِّنَ ٱلۡأَوَّلِينَ ﴿٣٩﴾

وَثُلَّةٞ مِّنَ ٱلۡأٓخِرِينَ ﴿٤٠﴾

"Dan golongan kanan, siapakah golongan kanan? (27). Mereka berada di bawah pokok-pokok bidara yang tidak berduri(28). Dan pokok-pokok talha yang tersusun rapi(29). Dan di bawah bayangan teduh yang terbentang panjang(30). Dan air yang sentiasa mengalir(31). Dan buah-buahan yang berbagai-bagai jenis(32). Yang tidak pernah putus dan tidak pula terlarang(33). Dan katil-katil yang tinggi(34). Sesungguhnya Kami ciptakan mereka (para bidadari dan isteri) dengan ciptaan yang baru(35). Lalu Kami jadikan mereka dara sunti belaka."(36) Mereka mencintai suami-suami mereka dan berusia sebaya dan muda(37). Semuanya disediakan untuk golongan kanan(38). Mereka merupakan sebilangan yang besar dari angkatan yang terdahulu(39). Dan sebilangan besar dari angkatan yang kemudian."(40)

Ashabul-Yamin (golongan kanan) dalam ayat ini ialah Ashabul-Maimanah (golongan kanan) yang disebut sepintas lalu di permulaan surah. Kemudian Al-Qur'an menangguhkan perincian mengenai ni'mat-ni'mat yang dikurniakan kepada mereka sehingga sampai ke tempatnya di sini selepas diterangkan ni'mat-ni'mat golongan as-Sabiqun al-Muqarrabun. Di sini Al-Qur'an mengulangi pertanyaan tentang mereka dengan kata-kata yang sama yang dituju untuk membesar-besarkan kelebihan mereka:

وَأَصۡحَٰبُ ٱلۡيَمِينِ مَآ أَصۡحَٰبُ ٱلۡيَمِينِ ﴿٢٧﴾

"Dan golongan kanan, siapakah golongan kanan?"(27)

Golongan-golongan ini memperolehi ni'mat-ni'mat kebendaan yang mengandungi sesuatu dari ciri-ciri kehidupan Badwi yang kasar. Allah menyebut bisikan cita-cita orang Badwi yang mengingini ni'mat-ni'mat yang dapat difaham oleh akal dan pengalaman-pengalaman mereka iaitu mereka:

فِي سِدۡرٖ مَّخۡضُودٖ ﴿٢٨﴾

"Mereka berada di bawah pokok-pokok bidara yang tidak berduri."(28)

Pokok bidara ialah sejenis pokok yang berduri, tetapi di sini pokok itu dihilang dan dicabutkan duri-durinya.

"Dan pokok-pokok talha yang tersusun rapi."(29)

Talha ialah sejenis pokok dari pokok-pokok yang tumbuh di Hijaz dari jenis pokok-pokok besar yang renek dan berduri, tetapi pokok talha di sini tersusun rapi mudah diambil tanpa penat dan sulit.

وَظِلّٖ مَّمۡدُودٖ ٣٠

وَمَآءٖ مَّسۡكُوبٖ ٣١

"Dan di bawah bayangan teduh yang terbentang panjang(30). Dan air yang sentiasa mengalir."(31)

Semuanya merupakan tempat-tempat yang penuh ni'mat bagi orang-orang Badwi yang selalu dirindui khayal mereka dan diangan-angankan mereka.

وَفَٰكِهَةٖ كَثِيرَةٖ ٣٢

لَّا مَقۡطُوعَةٖ وَلَا مَمۡنُوعَةٖ ٣٣

"Dan buah-buahan yang berbagai-bagai jenis(32). Yang tidak pernah putus dan tidak pula terlarang."(33)

Buah-buahan yang banyak itu disebutkan secara umum tanpa diperincikan setelah disebutkan jenis-jenis yang terkenal kepada penduduk-penduduk desa padang pasir.

"Dan katil-katil yang tinggi."(34)

Katil di sini tidak disebut bertatah dan lembut, ia hanya disebut tinggi sahaja. Sesuatu yang tinggi itu memberi dua pengertian iaitu pengertian kebendaan dan pengertian abstrak yang memerlukan satu sama lain, dan kedua-dua pengertian itu bertemu pada ketinggian tempat dan kebersihannya dari kekotoran, kerana sesuatu yang tinggi dari bumi itu lebih jauh dari kekotorannya, dan sesuatu yang tinggi dalam pengertiannya yang abstrak itu juga lebih jauh dari kekotorannya. Oleh kerana itu penerangan ayat-ayat ini beralih dari pembicaraannya mengenai katil-katil yang tinggi kepada membicarakan isteri-isteri yang berada di katil-katil itu pula:

"Sesungguhnya Kami ciptakan mereka (para bidadari dan isteri) dengan ciptaan yang baru."(35)

Yang diciptakan begitu dari awal lagi ialah bidadari, dan yang diciptakan semula ialah para isteri yang dibangkitkan dengan keadaan muda kembali:

"Lalu Kami jadikan mereka dara sunti belaka."(36)

Mereka tidak disentuh sesiapa.

عُرُبًا أَتۡرَابٗا ٣٧

لِّأَصۡحَٰبِ ٱلۡيَمِينِ ٣٨

"Mereka menyintai suami-suami mereka dan berusia sebaya dan muda(37). Semuanya disediakan untuk golongan kanan."(38)

Mereka disediakan untuk golongan kanan supaya sesuai dengan katil-katil yang tinggi itu.

Golongan kanan itu terdiri dari:

ثُلَّةٞ مِّنَ ٱلۡأَوَّلِينَ ٣٩

وَثُلَّةٞ مِّنَ ٱلۡأٓخِرِينَ ٤٠

"Mereka merupakan sebilangan yang besar dari angkatan yang terdahulu(39). Dan sebilangan besar dari angkatan yang kemudian."(40)

Golongan kanan ini lebih ramai dari golongan pelopor atau al-Muqarrabin berdasarkan dua perhitungan yang kami sebutkan ketika menjelaskan makna orang-orang yang dahulu dan orang-orang yang kemudian.

(Pentafsiran ayat-ayat 41 - 56)

'Azab Seksa Yang Disediakan Untuk Golongan Kiri

(أصحاب الشمال)

Di sini sampailah kita kepada golongan Masy'amah yang disebut sepintas lalu di permulaan surah:

وَأَصۡحَٰبُ ٱلشِّمَالِ مَآ أَصۡحَٰبُ ٱلشِّمَالِ ٤١

فِي سَمُومٖ وَحَمِيمٖ ٤٢

وَظِلّٖ مِّن يَحۡمُومٖ ٤٣

لَّا بَارِدٖ وَلَا كَرِيمٍ ٤٤

إِنَّهُمۡ كَانُواْ قَبۡلَ ذَٰلِكَ مُتۡرَفِينَ ٤٥

"Dan golongan kiri, siapakah golongan kiri?(41). Mereka diseksa dalam angin yang panas dan air yang mendidih(42). Dan di bawah naungan asap yang hitam(43). Yang tidak pernah sejuk dan tidak pula pernah selesa(44). Sesungguhnya mereka sebelum itu hidup mewah."(45)

وَكَانُواْ يُصِرُّونَ عَلَى ٱلۡحِنثِ ٱلۡعَظِيمِ ٤٦

وَكَانُواْ يَقُولُونَ أَئِذَا مِتۡنَا وَكُنَّا تُرَابٗا وَعِظَٰمًا أَءِنَّا لَمَبۡعُوثُونَ ٤٧

أَوَءَابَآؤُنَا ٱلۡأَوَّلُونَ ٤٨

قُلۡ إِنَّ ٱلۡأَوَّلِينَ وَٱلۡأٓخِرِينَ ٤٩

لَمَجۡمُوعُونَ إِلَىٰ مِيقَٰتِ يَوۡمٖ مَّعۡلُومٖ ٥٠

"Dan mereka sentiasa melakukan dosa yang besar(46). Dan mereka dahulu selalu berkata: Jika kita mati dan kita menjadi tanah dan tulang-tulang, apakah kita akan dibangkitkan

kembali?(47). Atau apakah nenek moyang kita yang terdahulu (akan turut dibangkitkan kembali)?(48). Katakanlah: Sesungguhnya seluruh orang yang dahulu dan orang yang kemudian(49). Akan dihimpunkan pada masa yang ditentukan di hari Qiamat yang termaklum."(50)

ثُمَّ إِنَّكُمْ أَيُّهَا الضَّالُّونَ الْمُكَذِّبُونَ ﴿٥١﴾

لَآكِلُونَ مِن شَجَرٍ مِّن زَقُّومٍ ﴿٥٢﴾

فَمَالِئُونَ مِنْهَا الْبُطُونَ ﴿٥٣﴾

فَشَارِبُونَ عَلَيْهِ مِنَ الْحَمِيمِ ﴿٥٤﴾

فَشَارِبُونَ شُرْبَ الْهِيمِ ﴿٥٥﴾

هَٰذَا نُزُلُهُمْ يَوْمَ الدِّينِ ﴿٥٦﴾

"Kemudian kamu sekalian, wahai orang-orang yang sesat lagi pendusta(51). Akan memakan dari pokok-pokok iaitu pokok zaqqum(52). Dan kamu akan penuhkan perut kamu dengannya(53). Selepas itu kamu akan minum air yang mendidih(54). Kamu akan minumnya dengan lahap laksana minuman unta yang ditimpa penyakit dahaga(55). Inilah hidangan-hidangan keraian untuk mereka pada hari Qiamat."(56)

Jika golongan kanan berada **"di bawah bayangan teduh yang terbentang panjang"**, maka golongan kiri berada:

فِي سَمُومٍ وَحَمِيمٍ ﴿٤٢﴾

وَظِلٍّ مِّن يَحْمُومٍ ﴿٤٣﴾

لَّا بَارِدٍ وَلَا كَرِيمٍ ﴿٤٤﴾

"Mereka diseksa dalam angin yang panas dan air yang mendidih(42). Dan di bawah naungan asap yang hitam(43). Yang tidak pernah sejuk dan tidak pula pernah selesa."(44)

Udara di sana ialah api yang panas yang menembusi lubang-lubang roma dan membakar tubuh badan, dan air pula terlalu panas tidak pernah sejuk dan tidak menghilangkan dahaga. Di sana ada naungan tetapi naungan dari asap yang hitam yang menyelar dan mencekikkan nafas. Ia adalah naungan untuk menghinakan mereka, iaitu naungan *"yang tidak sejuk dan tidak pula selesa"* naungan yang panas yang tidak memberi kerehatan dan rasa yang dingin dan naungan yang kering yang tidak memberi sebarang keselesaan dan kesegaran. Seluruh keadaan hidup yang sukar dan susah itu merupakan balasan yang setimpal terhadap mereka kerana:

"Sesungguhnya mereka sebelum itu hidup mewah."(45)

Dan alangkah pedihnya keadaan hidup yang serba sukar itu kepada orang-orang yang mewah.

وَكَانُوا يُصِرُّونَ عَلَى الْحِنثِ الْعَظِيمِ ﴿٤٦﴾

"Dan mereka sentiasa melakukan dosa yang besar."(46)

Dosa yang besar ialah syirik terhadap Allah. Penggunaan kata-kata "الحنث" di sini juga mungkin merupakan satu sindiran kepada kemungkiran mereka terhadap janji fitrah manusia yang telah diambil Allah bahawa mereka akan beriman kepada Allah dan mentauhidkan-Nya.

وَكَانُوا يَقُولُونَ أَئِذَا مِتْنَا وَكُنَّا تُرَابًا وَعِظَامًا أَإِنَّا لَمَبْعُوثُونَ ﴿٤٧﴾

أَوَآبَاؤُنَا الْأَوَّلُونَ ﴿٤٨﴾

"Dan mereka dahulu selalu berkata: Jika kita mati dan kita menjadi tanah dan tulang-tulang, apakah kita akan dibangkitkan kembali?(47). Atau apakah nenek moyang kita yang terdahulu (akan turut dibangkitkan kembali)?"(48)

"Dan mereka dahulu" demikianlah diungkapkan oleh Al-Qur'an seolah-olah dunia ketika Al-Qur'an diturunkan kepada mereka telah pun dibinasakan dan tamat riwayatnya, dan dunia merupakan sesuatu yang telah berlalu dan yang hadir di depan mata hanya pemandangan 'azab ini sahaja. Ini adalah kerana pada hakikatnya seluruh kehidupan dunia itu hanya sekelip pandangan mata sahaja dan pandangan 'azab yang hadir itu merupakan kesudahan kehidupan dunia.

Di sini penerangan Al-Qur'an kembali semula kepada dunia dalam waktu yang amat sesuai untuk menjawab pertanyaan mereka:

"Katakanlah: Sesungguhnya seluruh orang yang dahulu dan orang yang kemudian(49). Akan dihimpunkan pada masa yang ditentukan di hari Qiamat yang termaklum."(50)

Itulah hari yang wujud sekarang ini dan terbentang di depan mata.

Kemudian Al-Qur'an kembali memperkatakan 'azab seksa yang menunggu pendusta-pendusta, iaitu satu gambaran 'azab yang sempurna yang akan diterima pendusta-pendusta yang hidup mewah itu:

ثُمَّ إِنَّكُمْ أَيُّهَا الضَّالُّونَ الْمُكَذِّبُونَ ﴿٥١﴾

لَآكِلُونَ مِن شَجَرٍ مِّن زَقُّومٍ ﴿٥٢﴾

"Kemudian kamu sekalian, wahai orang-orang yang sesat lagi pendusta(51). Akan memakan dari pokok-pokok iaitu pokok zaqqum."(52)

Tiada siapa pun yang mengetahui hakikat pokok zaqqum itu melainkan hanya sekadar sifatnya yang

diterangkan Allah di dalam satu surah yang lain yang menyatakan bentuk seludangnya sama seperti kepala syaitan, dan tiada siapa pun yang pernah melihat kepala syaitan itu, tetapi gambarannya dapat ditanggap oleh hati. Walau bagaimanapun, bunyi kata-kata "**zaqqum**" itu sendiri memberi gambaran yang kasar, berduri-duri yang menusuk tapak tangan, malah menikam kerongkong, iaitu bertentangan dengan gambaran pokok-pokok bidara yang tidak berduri dan pokok talha yang tersusun rapi. Tetapi walaupun rupa pokok zaqqum itu seperti kepala syaitan, namun mereka tetap memakannya dengan lahap.

"Dan kamu akan penuhkan perut kamu dengannya."(53)

Kerana mereka terlalu lapar dan menderita, dan duri-duri buah zaqqum yang kasar dan melekat itu mendorong mereka mencari air untuk melicinkan kerongkong dan membasahkan perut, lalu mereka minum:

"Selepas itu kamu akan minum air yang mendidih."(54)

Iaitu air yang amat panas yang tidak menyejukkan kehausan dan tidak menghilangkan kedahagaan:

"Kamu akan minumnya dengan lahap laksana minuman unta yang ditimpa penyakit dahaga."(55)

Iaitu unta yang tidak puas-puas meminum air.

"Inilah hidangan-hidangan keraian untuk mereka pada hari Qiamat."(56)

Biasanya hidangan keraian itu memberi kerehatan dan ketenangan, tetapi hidangan keraian yang disediakan kepada golongan kiri itu tidak memberi apa-apa kerehatan dan ketenangan. Inilah hidangan keraian yang disediakan untuk mereka pada hari Qiamat yang diragui mereka dan yang masih dipertikaikan mereka. Mereka tidak percaya kepada penjelasan Al-Qur'an mengenai hari itu, di samping mereka mensyirikkan Allah dan tidak takut kepada janji-janji 'azab seksanya pada hari Qiamat itu.

Dengan ini tamatlah tinjauan mengenai nasib kesudahan manusia pada hari Qiamat yang merendah dan meninggikan kedudukan-kedudukan mereka, dan tamatlah pusingan pertama surah ini.

******

Pusingan yang kedua surah ini dituju untuk membina seluruh 'aqidah, walaupun penekanan di sini jelas diberikan kepada persoalan kebangkitan dan penciptaan semula. Dalam pusingan ini dapat dilihat dengan jelas bagaimana cara Al-Qur'an berbicara dengan fitrah manusia dan mengemukakan dalil-dalil iman, dan bagaimana ia melayani jiwa manusia dengan lemah-lembut dan dengan cara yang senang dan mudah ketika ia membicarakan hakikat-hakikat yang besar dengan gambaran yang dekat dan mudah difaham.

Al-Qur'an menjadikan perkara-perkara biasa pada manusia dan peristiwa-peristiwa yang selalu dihadapi mereka sebagai persoalan-persoalan alam buana yang besar, di mana ia mendedahkan undang-undang dan peraturan Allah yang mengendalikan alam ini dan membentuk satu 'aqidah yang agung dan lengkap dan satu kefahaman yang sempurna terhadap kejadian alam ini, di samping menjadikannya satu methodologi berfikir, dan mencetuskan hayat yang menghidupkan roh dan hati, dan melahirkan kesedaran yang membangkitkan perasaan dan merangsangkan pancaindera manusia, iaitu kesedaran terhadap gejala-gejala alam yang dilihat manusia pagi dan petang dengan hati yang lalai, juga kesedaran terhadap apa yang berlaku dalam diri mereka sendiri dari perkara-perkara yang mena'jub dan luar biasa.

Al-Qur'an tidak menyerahkan manusia kepada peristiwa-peristiwa aneh yang mencarikkan adat dan peristiwa-peristiwa mu'jizat yang istimewa. Begitu juga Al-Qur'an tidak mentaklifkan manusia supaya mengkaji peristiwa-peristiwa aneh, peristiwa-peristiwa mu'jizat, bukti-bukti dan dalil-dalil yang jauh dari diri mereka atau jauh dari kebiasaan-kebiasaan hidup mereka atau jauh dari gejala-gejala alam yang dekat dan diketahui mereka. Ia tidak membawa mereka jauh ke dalam pemikiran falsafah yang canggih atau ke dalam kemusykilan 'aqliyah yang sulit atau ke dalam ujian-ujian atau pengalaman-pengalaman ilmiyah yang tidak dimiliki oleh setiap orang. Al-Qur'an berbuat demikian untuk menanamkan 'aqidah di dalam jiwa manusia dan untuk menanamkan kefahaman terhadap alam buana dan terhadap hayat yang ditegakkan di atas 'aqidah ini.

Diri mereka adalah dari ciptaan Allah dan gejala-gejala alam di sekeliling mereka juga dari ciptaan qudrat kuasa-Nya dan unsur mu'jizat terdapat pada semua kejadian yang diciptakan qudrat kekuasaan-Nya. Al-Qur'an ini adalah dari gubahan-Nya. Oleh kerana itu Al-Qur'an membawa mereka supaya memperhatikan mu'jizat-mu'jizat yang tersembunyi di dalam diri mereka sendiri dan yang bertaburan di alam sekeliling mereka. Ia membawa mereka supaya memperhatikan mu'jizat yang selalu dilihat mereka tanpa merasakan hakikat mu'jizat yang terdapat padanya. Ia membawa mereka kepada mu'jizat-mu'jizat itu untuk membuka mata mereka supaya mereka mengetahui rahsia-rahsia agung yang tersimpan padanya, iaitu qudrat Ilahi Yang Maha Pencipta dan rahsia Wahdaniyah-Nya yang tunggal dan rahsia undang-undang azali yang mengendalikan diri mereka dan alam di sekeliling mereka, iaitu rahsia yang membawa dalil-dalil iman dan 'aqidah untuk dibangkitkan di dalam jiwa mereka atau dengan ungkapan-ungkapan yang lebih halus untuk dirangsangkan di dalam fitrah mereka.

Methodologi inilah yang diikuti Al-Qur'an dalam pusingan kedua surah ini. Ia mengemukakan kepada mereka bukti-bukti qudrat Ilahi dalam penciptaan-Nya terhadap diri mereka sendiri, dalam tanaman-tanaman yang ditanam tangan mereka, dalam air yang diminum mereka, dalam api yang dinyalakan mereka, iaitu dari kejadian-kejadian yang paling mudah yang dapat dilihat mereka dari bahan-bahan biasa dalam kehidupan mereka. Begitu juga ia menggambarkan kepada mereka detik-detik penghabisan hidup di bumi ini dan detik-detik permulaan hidup di alam Akhirat iaitu detik-detik waktu yang ditempuh oleh setiap orang, dan detik-detik waktu di mana berakhirnya segala helah dan ikhtiar dan di mana setiap yang bernyawa berdiri di hadapan qudrat Ilahi yang mutlaq dengan pendirian penamat yang tidak lagi memberi peluang untuk sebarang ikhtiar dan percubaan, dan di mana gugurnya topeng-topeng dan tidak berguna segala dalihan.

Cara Al-Qur'an berbicara dengan fitrah manusia itu sendiri menunjukkan bahawa sumbernya acuan dari Allah iaitu sumber yang melahirkan alam buana. Cara pembinaan Al-Qur'an sama dengan cara pembinaan alam. Dari bahan-bahan alam yang paling mudah dibentukkan rupa yang paling canggih dan makhluk yang paling besar. Misalnya, atom yang seni itu telah difikirkan sebagai bahan pembinaan alam dan sel-sel yang seni itu, juga telah difikirkan sebagai bahan pembinaan hayat. Walaupun atom itu amat seni namun ia sendiri tetap merupakan satu mu'jizat, dan walaupun sel itu kecil namun ia sendiri tetap merupakan satu bukti kekuasaan Allah. Di sini Al-Qur'an juga menggunakan pemandangan-pemandangan biasa yang paling mudah itu sebagai bahan untuk membinakan 'aqidah agama yang paling agung dan kefahaman kealaman yang paling luas, iaitu pemandangan-pemandangan biasa yang dialami setiap orang seperti pemandangan anak pinak, tanaman, air, api dan kematian. Manakah satu manusia di muka bumi ini yang tidak pernah mengalami pemandangan-pemandangan ini? Manakah satu penghuni gua yang tidak pernah melihat kejadian janin dan kejadian tumbuh-tumbuhan dan tidak pernah melihat tempat air gugur dan tempat api menyala? Dari pemandangan-pemandangan yang dapat dilihat setiap orang inilah Al-Qur'an membentuk 'aqidah, kerana ia berbicara dengan setiap manusia di setiap alam sekitar, dan pemandangan-pemandangan yang mudah dan bersahaja itu sendiri merupakan hakikat-hakikat alam yang paling besar dan rahsia Rabbani yang paling agung ditambah pula dengan keterangan sepintas tentang tempat-tempat kedudukan bintang-bintang. Tetapi walaupun pemandangan-pemandangan itu mudah namun ia berbicara dengan fitrah setiap manusia, dan hakikat-hakikatnya tetap merupakan bahan-bahan kajian ahli-ahli sains yang paling pandai hingga ke akhir zaman, iaitu:

Tempat-tempat kedudukan bintang-bintang yang membayangkan kejuruteraan alam. Kelahiran hayat manusia merupakan inti dari segala rahsia. Kelahiran hayat tumbuhan adalah sama dengan hayat haiwan yang merupakan inti dari segala mu'jizat.

Kejadian air merupakan pokok pangkal hayat. Kejadian api merupakan mu'jizat yang menciptakan tamadun insan.

Inilah methodologi yang diikuti Al-Qur'an dalam membicarakan berbagai-bagai kejadian dan dalam membina 'aqidah dan pemikiran. Ini bukanlah methodologi manusia, kerana apabila manusia membicarakan hal-hal seperti ini mereka tidak menyentuh kejadian bahan-bahan utama ini yang merupakan bahan-bahan alam, dan apabila mereka menyentuh bahan-bahan utama itu mereka tidak menyentuhnya dengan cara yang mudah dan senang seperti ini, malah mereka cuba membicarakan persoalan-persoalan ini secara falsafah yang mujarrad dan rumit yang tidak sesuai melainkan untuk golongan orang-orang yang tertentu sahaja.

Tetapi methodologi yang digunakan Allah ialah Ia membicarakan kejadian-kejadian bahan-bahan utama yang merupakan bahan-bahan alam, dan dengan pembicaraan itu ia membinakan 'aqidah dengan mudah dan senang, iaitu sama dengan methodologi-Nya yang menggunakan bahan-bahan utama ini untuk menciptakan alam darinya. Kedua-duanya sama dan ciri penciptaan Ilahi adalah sama dan jelas di sana sini.

******

(Pentafsiran ayat-ayat 57 - 62)

Kisah Permulaan Dan Penghabisan Hidup Manusia

نَحْنُ خَلَقْنَاكُمْ فَلَوْلَا تُصَدِّقُونَ ﴿٥٧﴾

أَفَرَءَيْتُم مَّا تُمْنُونَ ﴿٥٨﴾

ءَأَنتُمْ تَخْلُقُونَهُۥٓ أَمْ نَحْنُ ٱلْخَٰلِقُونَ ﴿٥٩﴾

نَحْنُ قَدَّرْنَا بَيْنَكُمُ ٱلْمَوْتَ وَمَا نَحْنُ بِمَسْبُوقِينَ ﴿٦٠﴾

عَلَىٰٓ أَن نُّبَدِّلَ أَمْثَٰلَكُمْ وَنُنشِئَكُمْ فِى مَا لَا تَعْلَمُونَ ﴿٦١﴾

وَلَقَدْ عَلِمْتُمُ ٱلنَّشْأَةَ ٱلْأُولَىٰ فَلَوْلَا تَذَكَّرُونَ ﴿٦٢﴾

"Kamilah yang telah menciptakan kamu, oleh itu, mengapa kamu tidak percaya (kepada hari kebangkitan semula)?(57). Tidakkah kamu perhatikan air mani yang dipancutkan?(58). Apakah kamu yang menciptakannya atau Kami yang menciptakannya?(59). Kamilah yang menentukan maut di antara kamu dan Kami tidak akan dilemahkan(60). Untuk menggantikan kamu dengan orang-orang yang seperti kamu dan untuk menciptakan kamu dalam bentuk yang tidak diketahui kamu(61). Sesungguhnya kamu telah mengetahui

penciptaan hidup yang pertama. Oleh itu, mengapa kamu tidak mengambil ingatan (bahawa Allah berkuasa mengulangkan penciptaan hidup itu di Akhirat)?'(62).

Persoalan ini, iaitu persoalan penciptaan manusia yang pertama dan kesudahan mereka, atau persoalan penciptaan dan persoalan kematian, merupakan persoalan yang selalu dilihat atau persoalan biasa yang selalu berlaku dalam hidup manusia. Oleh itu, bagaimana mereka tidak percaya bahawa Allahlah yang telah menciptakan mereka? Tekanan hakikat ini ke atas fitrah manusia adalah lebih besar dan lebih berat dari kemampuan mereka untuk menentang dan membantahkannya:

نَحْنُ خَلَقْنَٰكُمْ فَلَوْلَا تُصَدِّقُونَ ٥٧

أَفَرَءَيْتُم مَّا تُمْنُونَ ٥٨

ءَأَنتُمْ تَخْلُقُونَهُۥٓ أَمْ نَحْنُ ٱلْخَٰلِقُونَ ٥٩

"Kamilah yang telah menciptakan kamu, oleh itu, mengapa kamu tidak percaya (kepada hari kebangkitan semula)?(57). Tidakkah kamu perhatikan air mani yang dipancutkan?(58). Apakah kamu yang menciptakannya atau Kami yang menciptakannya?" (59)

Peranan manusia dalam urusan penciptaan mereka tidak lebih dari kerja lelaki menyimpankan pancutan nutfahnya di dalam rahim perempuan. Itu sahaja kerja lelaki dan kerja perempuan. Dan setelah itu qudrat Ilahilah yang terus bekerja sendirian mengendalikan nutfah yang hina itu. Ia bekerja sendirian sahaja membentuk makhluk manusia dan menyuburkannya, membina rangka-rangka tubuh badannya dan meniupkan roh padanya. Sejak detik pertama lagi dan dalam setiap detik yang berikutnya berlakulah penciptaan mu'jizat dan kejadian aneh yang mencarikkan adat yang tidak dapat diciptakannya melainkan oleh Allah, iaitu mu'jizat yang tidak diketahui hakikat dan tabi'atnya oleh manusia di samping mereka tidak mengetahui bagaimana ia berlaku dan jauh sekali dari turut serta menciptakannya.

Renungan sekadar ini dapat difaham oleh setiap insan dan ini sudah cukup untuk memandang tinggi kepada mu'jizat itu dan menerima kesannya. Tetapi kisah sel yang tunggal ini sejak ia dipancut ke dalam rahim sehingga ia membentuk makhluk insan adalah suatu kisah yang lebih aneh dari imaginasi manusia, iaitu sebuah kisah yang tidak dapat dipercayai akal jika tidak kerana ianya telah berlaku dan telah disaksikan oleh semua orang.

Kemudian sel yang tunggal itu mulai berpecah dan membiak dan dalam masa yang pendek sahaja ia menjadi berjuta-juta sel. Setiap kumpulan sel-sel yang baru itu mempunyai ciri-ciri yang berlainan dari ciri-ciri kumpulan-kumpulan sel yang lain, kerana setiap kumpulan sel itu ditugas untuk membentuk sebahagian dari tubuh manusia. Di sana ada kumpulan sel-sel untuk membentuk tulang-temalang, ada kumpulan sel untuk membentuk otot-otot, ada untuk membentuk kulit dan ada untuk membentuk urat saraf, kemudian ada sel-sel untuk membentuk mata, ada sel-sel untuk membentuk lidah, ada sel-sel untuk membentuk telinga dan ada sel-sel untuk membentuk kelenjar-kelenjar atau kilang-kilang indokrina (Endocrine). Kumpulan sel-sel ini lebih berikhtisas dari kumpulan sel-sel yang telah lalu. Setiap kumpulan sel itu masing-masing mengetahui tempat kerjanya, kerana itu sel-sel mata umpamanya tidak pernah tersalah tempat hingga tumbuh di perut atau di kaki, sedangkan sel-sel ini jika diambil secara tiruan dan ditanamkan di bahagian perut umpamanya nescaya ia akan membentuk mata di sana. Tetapi sel-sel ini dengan bimbingan ilham Ilahi tidak pernah tersalah tempat lalu pergi ke perut untuk membentuk mata di sana, dan sel-sel telinga tidak pergi ke kaki untuk membentuk telinga di sana. Seluruh kumpulan sel-sel itu bekerja membentuk tubuh badan manusia dengan seelok-elok bentuk dan rupa di bawah pengawasan pandangan Ilahi Yang Maha Pencipta, sedangkan manusia tidak mempunyai apa-apa peranan kerja dalam bidang penciptaan ini.[1]

Inilah kisah permulaan hidup dan kisah penghabisan hidup pula tidak kurang juga keanehannya dan keajaibannya dan kedua-duanya merupakan pemandangan biasa manusia:

نَحْنُ قَدَّرْنَا بَيْنَكُمُ ٱلْمَوْتَ وَمَا نَحْنُ بِمَسْبُوقِينَ ٦٠

"Kamilah yang menentukan maut di antara kamu dan Kami tidak akan dilemahkan."(60)

Kematian yang mengakhiri setiap yang hidup itu apakah pula gerangannya? Bagaimana ia berlaku? Apakah kuasanya yang tidak terlawan itu? Kematian itulah perencanaan Allah, kerana itu tiada siapa pun yang terlepas dari-Nya. Kematian merupakan satu mata cincin dalam rantai penciptaan hidup yang pasti bersepadu dan bertaut.

عَلَىٰٓ أَن نُّبَدِّلَ أَمْثَٰلَكُمْ وَنُنشِئَكُمْ فِى مَا لَا تَعْلَمُونَ ٦١

"Untuk menggantikan kamu dengan orang-orang yang seperti kamu dan untuk menciptakan kamu dalam bentuk yang tidak diketahui kamu."(61)

Maksudnya, tujuan pertukaran itu ialah untuk memakmurkan bumi dan menegakkan khilafah selepas kamu. Allah telah menentukan kematian dan Dialah juga yang menentukan hidup. Dia menentukan kematian untuk menciptakan orang-orang yang serupa dengan mereka yang telah mati itu sehingga hidup dunia sampai ajalnya. Dan apabila dunia berakhir dengan ajalnya yang telah ditentukan Allah, maka tibalah pula alam Akhirat:

وَنُنشِئَكُمْ فِى مَا لَا تَعْلَمُونَ ٦١

"Dan untuk menciptakan kamu dalam bentuk yang tidak diketahui kamu"(61)

---

[1] *Lihat tafsir firman Allah dalam Surah an-Najm ayat 45 dan 46.*

di alam ghaib yang majhul yang tidak diketahui manusia melainkan sekadar yang telah diceritakan Allah. Dengan itu tamatlah kehidupan dunia ini dan tibalah angkatan kafilah dunia ke pengkalan hentiannya yang tetap.

Inilah penciptaan hidup Akhirat:

وَلَقَدْ عَلِمْتُمُ ٱلنَّشْأَةَ ٱلْأُولَىٰ فَلَوْلَا تَذَكَّرُونَ ﴿٦٢﴾

"Sesungguhnya kamu telah mengetahui penciptaan hidup yang pertama. Oleh itu, mengapa kamu tidak mengambil ingatan (bahawa Allah berkuasa mengulangkan penciptaan hidup itu di Akhirat)."(62)

Penciptaan hidup Akhirat itu amat dekat dan tiada suatu yang ganjil dalam penciptaan itu.

Dengan cara yang begini mudah dan senang Al-Qur'an mengemukakan kisah penciptaan hidup dunia dan kisah penciptaan hidup Akhirat. Dengan cara yang mudah inilah ia meletakkan fitrah manusia di hadapan logik yang dapat difahaminya dan tidak terdaya dipertikaikannya, kerana logik itu diambil dari hakikat-hakikat yang amat jelas dan biasa kepada akal, juga diambil dari pemandangan-pemandangan manusia dalam kehidupan mereka yang dekat tanpa berbelit-belit, tanpa menggunakan pengertian-pengertian abstrak dan ulasan-ulasan secara falsafah yang memenatkan akal tanpa berpijak di hati.

Itulah methodologi penerangan Allah Pencipta alam buana, Pembikin insan dan Penurun Al-Qur'an.

******

(Pentafsiran ayat-ayat 63 - 67)

Penciptaan Tumbuhan Dan Peranan Manusia

Sekali lagi dengan senang dan mudah Al-Qur'an membawa hati manusia supaya merenungi satu perkara yang biasa dan selalu dilihat mereka dengan tujuan untuk menunjukkan kepada mereka qudrat Allah yang mengendalikannya, dan menunjukkan mu'jizat yang berlaku di hadapan mata mereka, sedangkan mereka selama ini lalai dan tidak sedar:

أَفَرَءَيْتُم مَّا تَحْرُثُونَ ﴿٦٣﴾

ءَأَنتُمْ تَزْرَعُونَهُۥٓ أَمْ نَحْنُ ٱلزَّٰرِعُونَ ﴿٦٤﴾

لَوْ نَشَآءُ لَجَعَلْنَٰهُ حُطَٰمًا فَظَلْتُمْ تَفَكَّهُونَ ﴿٦٥﴾

إِنَّا لَمُغْرَمُونَ ﴿٦٦﴾

بَلْ نَحْنُ مَحْرُومُونَ ﴿٦٧﴾

"Tidakkah kamu perhatikan apa yang kamu tanam? (63). Kamukah yang menanamnya atau Kamikah yang menanamkannya?(64). Jika Kami kehendaki nescaya Kami jadikannya kering dan reput dan menyebabkan kamu sekalian berdukacita(65). (Dan berkata) sesungguhnya Kami telah mendapat kerugian(66). Bahkan kami sekalian menjadi hampa."(67)

Pada tanaman yang tumbuh di hadapan mereka, kemudian subur dan mengeluarkan buah-buahan itu, apakah peranan yang dimainkan mereka? Mereka hanya menenggalakan bumi, menaburkan biji-biji dan benih-benih yang telah diciptakan Allah. Setelah itu tamatlah peranan mereka, kemudian qudrat Allahlah yang mengendalikannya dan melakukan kerja-kerja mu'jizat yang aneh.

Biji dan benih itu melangsungkan perjalanannya untuk mengulangi semula kewujudan jenisnya. Ia mengaturkan perjalanannya sama seperti yang diaturkan oleh seseorang yang berakal, pandai dan pakar dengan semua peringkat-peringkat perjalanan itu. Ia tidak pernah silap walau satu kali pun seperti kesilapan yang dilakukan manusia dalam kerja-kerja mereka. Ia tidak pernah menyimpang dari jalan yang betul dan tidak pernah sesat dari matlamat yang telah ditetapkan. Qudrat Ilahilah yang mengaturkan perjalanannya di sepanjang jalan itu, iaitu satu perjalanan yang amat menakjubkan, satu perjalanan yang hampir-hampir tidak dipercayai akal dan tidak terlintas di dalam imaginasi manusia jika tidak kerana ianya telah berlaku dan terus berlaku dengan disaksikan oleh semua orang dalam mana-mana bentuk dan jenisnya. Jika tidak, manakah akal yang dapat percaya dan manakah daya imaginasi yang dapat menggambarkan bahawa di dalam benih gandum itu tersimpan batang pokoknya, daun-daunnya, tangkainya dan biji-bijiannya yang banyak? Dan dalam butir buah kurma tersimpan sepokok tamar yang tinggi dengan segala apa yang ada padanya.

Manakah akal yang mempunyai daya imaginasi yang dapat menggambarkan kejadian yang mena'jubkan ini jika tidak kerana manusia melihat kejadian ini berlaku di depan matanya pagi dan petang? Jika tidak kerana kejadian ini berlaku berulang-ulang kali hingga dilihat dan didengar ceritanya oleh semua orang? Manakah insan yang dapat mendakwa bahawa dia telah turut melakukan sesuatu di dalam kejadian yang mena'jubkan itu selain dari menenggalakan bumi dan menaburkan benih yang telah diciptakan Allah?

Kemudian manusia mengaku kamilah yang menanamkannya! Sedangkan peranan usaha mereka tidak lebih dari menenggalakan bumi dan menaburkan benih. Kisah kejadian yang mena'jubkan ini yang dilakukan oleh setiap biji, dan setiap benih, kisah mu'jizat tumbuhan yang tumbuh dari jantung benih itu kemudian subur dan meninggi adalah semuanya dari ciptaan Allah Pencipta dan Penanam yang hakiki. Jika Allah kehendaki nescaya perjalanan benih itu tidak akan berlaku dan kisahnya tidak akan berlangsung. Jika Allah kehendaki nescaya Ia jadikan tumbuhan itu kering dan reput sebelum ia mengeluarkan buah-buahan, tetapi dengan kehendak

iradat Allah, benih itu meneruskan perjalanannya dari awal sehingga akhir.

Jika tanaman itu kering dan reput sebelum mengeluarkan buah-buahnya tentulah peladang-peladang itu akan membuat berbagai-bagai sungutan:

إِنَّا لَمُغْرَمُونَ ﴿٦٦﴾
بَلْ نَحْنُ مَحْرُومُونَ ﴿٦٧﴾

"(Dan berkata) sesungguhnya kami telah mendapat kerugian(66). Bahkan kami sekalian menjadi hampa(67).

Tetapi dengan limpah kemurahan-Nya, Allah mengurniakan buah-buahan kepada mereka dan membenarkan tumbuhan itu menyempurnakan perjalanannya. Perjalanan yang sama juga telah dilakukan oleh sel nutfah di dalam rahim. Itulah salah satu gambaran hayat yang dicipta dan dikendalikan qudrat Allah.

Oleh itu, apakah kepelikan dalam penciptaan hidup Akhirat, sedangkan hidup dunia telah diciptakan oleh-Nya?

******

(Pentafsiran ayat-ayat 68 - 70)

Kejadian Air Sebagai Asas Hayat Makhluk Di Bumi

أَفَرَءَيْتُمُ ٱلْمَآءَ ٱلَّذِى تَشْرَبُونَ ﴿٦٨﴾
ءَأَنتُمْ أَنزَلْتُمُوهُ مِنَ ٱلْمُزْنِ أَمْ نَحْنُ ٱلْمُنزِلُونَ ﴿٦٩﴾
لَوْ نَشَآءُ جَعَلْنَٰهُ أُجَاجًا فَلَوْلَا تَشْكُرُونَ ﴿٧٠﴾

"Tidakkah kamu perhatikan air yang kamu minum? (68). Kamukah yang menurunkannya dari awan atau Kamikah yang menurunkannya?(69). Jika Kami kehendaki nescaya Kami jadikannya masin, mengapakah kamu tidak bersyukur?"(70)

Air merupakan pokok pangkal hayat. Ia adalah unsur hayat yang tidak mungkin wujud melainkan dengannya sebagaimana telah ditetapkan oleh perencanaan Allah. Apakah peranan manusia pada air? Peranannya ialah meminumnya. Tetapi yang menciptakan air dari unsur-unsurnya dan yang menurunkannya dari awan-awannya ialah Allah S.W.T. Dialah yang mentaqdirkan air itu tawar, lalu ia menjadi tawar.

لَوْ نَشَآءُ جَعَلْنَٰهُ أُجَاجًا

"Jika Kami kehendaki nescaya Kami jadikannya masin"(70)

tidak dapat diminum dan tidak dapat menghidupkan sesuatu. Oleh itu, mengapa mereka tidak bersyukur terhadap limpah kurnia Allah yang telah memperlakukan kehendak iradat-Nya seperti apa yang ada?

Kepada orang-orang yang mula-mula ditujukan Al-Qur'an ini, maka air hujan dari awan dalam rupa bentuknya yang asli itu merupakan bahan hidup mereka dan perhatian mereka, di samping merupakan cerita yang mengocakkan hati, sehingga cerita air hujan ini telah diabadikan di dalam sajak-sajak dan sya'ir-sya'ir mereka. Dan nilai air tidak pernah merosot dengan sebab-sebab kemajuan tamadun manusia, malah nilainya mungkin bertambah tinggi lagi. Orang-orang yang bergiat dalam bidang sains dan cuba mentafsirkan asal-usul kejadian air yang pertama itu adalah lebih terasa dengan nilai air dibandingkan dengan orang-orang yang lain dari mereka. Dan air tetap merupakan bahan perhatian utama sama ada kepada penghuni-penghuni padang pasir yang kuno atau kepada ahli-ahli sains yang menjalankan penyelidikan-penyelidikan.

******

(Pentafsiran ayat-ayat 71 - 73)

Ni'mat Kejadian Api Kepada Manusia

أَفَرَءَيْتُمُ ٱلنَّارَ ٱلَّتِى تُورُونَ ﴿٧١﴾
ءَأَنتُمْ أَنشَأْتُمْ شَجَرَتَهَآ أَمْ نَحْنُ ٱلْمُنشِـُٔونَ ﴿٧٢﴾
نَحْنُ جَعَلْنَٰهَا تَذْكِرَةً وَمَتَٰعًا لِّلْمُقْوِينَ ﴿٧٣﴾

"Tidakkah kamu perhatikan api yang kamu nyalakannya?(71). Kamukah yang menciptakan pokoknya atau Kamikah yang menciptanya?(72). Kami jadikan api itu peringatan (kepada api Akhirat) dan kesenangan kepada orang yang musafir."(73)

Sejarah manusia menemui api merupakan satu peristiwa yang amat besar dalam hidup mereka. Mungkin penemuan itu merupakan sebesar-besar peristiwa kerana dengan penemuan inilah bermulanya sejarah tamadun manusia. Tetapi kini api telah menjadi suatu perkara yang terlalu biasa dan tidak lagi menarik perhatian. Memang manusialah yang menyalakan api, tetapi siapakah yang menciptakan bahan bakarnya? Siapakah yang telah mencipta pokok yang menjadi bahan bakarnya? Pembicaraan mengenai tanaman telah pun berlalu dan pokok adalah termasuk dalam tanaman. Walau bagaimanapun di sana ada satu perkara yang menarik perhatian apabda Al-Qur'an menyebut "شجرتها" (pokok api). Orang-orang Arab menyalakan api dengan menggeselkan dahan dari suatu pokok dengan dahan dari suatu pokok yang lain iaitu mengikut cara kuno yang masih diamalkan dalam masyarakat-masyarakat kuno sehingga sekarang. Perkara api itu amat jelas dan amat dekat kepada pengalaman-pengalaman mereka yang terkenal, tetapi mu'jizat api dan rahsia api pada ahli-ahli sains yang mengkajinya masih menjadi bidang penyelidikan, penelitian dan perhatian. Dengan kesempatan menyebut api, Al-Qur'an membayangkan api di Akhirat:

نَحْنُ جَعَلْنَاهَا تَذْكِرَةً وَمَتَاعًا لِّلْمُقْوِينَ ﴿٧٣﴾

"Kami jadikan api itu peringatan (kepada api Akhirat) dan kesenangan kepada orang yang musafir."(73)

Bayangan ini meninggalkan kesan yang mendalam di dalam hati orang-orang yang ditujukan ayat-ayat ini berdasarkan pengertian yang hidup dan yang wujudnya di alam kenyataan dan pengalaman-pengalaman mereka mengenai api.

******

Apabila penerangan Al-Qur'an sampai kepada tahap ini dalam membentangkan hakikat-hakikat dan rahsia-rahsia yang menjadi dalil-dalil iman yang mudah difaham oleh hati dan akal itu, maka Al-Qur'an beralih pula kepada satu hakikat pokok yang menjadi pengkalan terakhir bagi semua hakikat-hakikat ini, iaitu hakikat-hakikat kewujudan Allah, keagungan-Nya dan Rububiyah-Nya. Inilah hakikat yang menghadapi fitrah manusia dengan begitu kuat dan berpengaruh. Oleh itu, Al-Qur'an menyeru Rasulullah s.a.w. supaya menghidupkan hakikat ini dan menunaikan fungsinya untuk menyentuh hati manusia pada waktunya yang tepat:

فَسَبِّحْ بِاسْمِ رَبِّكَ الْعَظِيمِ ﴿٧٤﴾

"Oleh itu, bertasbihlah dengan nama Tuhanmu Yang Maha Besar."(74)

******

(Pentafsiran ayat-ayat 74 - 80)

Kedudukan Bintang-bintang Yang Bergayut Di Angkasa Raya

Kemudian Al-Qur'an beralih sekali lagi kepada para pendustanya, lalu ia hubungkan di antaranya dengan alam ini dalam satu sumpah yang amat besar dari Tuhan semesta alam:

فَلَا أُقْسِمُ بِمَوَاقِعِ النُّجُومِ ﴿٧٥﴾

وَإِنَّهُ لَقَسَمٌ لَّوْ تَعْلَمُونَ عَظِيمٌ ﴿٧٦﴾

إِنَّهُ لَقُرْآنٌ كَرِيمٌ ﴿٧٧﴾

فِي كِتَابٍ مَّكْنُونٍ ﴿٧٨﴾

لَّا يَمَسُّهُ إِلَّا الْمُطَهَّرُونَ ﴿٧٩﴾

تَنزِيلٌ مِّن رَّبِّ الْعَالَمِينَ ﴿٨٠﴾

"Sesungguhnya Aku tidak payah bersumpah dengan tempat-tempat bintang-bintang(75). Sesungguhnya sumpah itu suatu sumpah yang amat besar jika kamu mengetahui(76). Sesungguhnya (yang dibacakan kepada kamu itu) adalah Al-Qur'an yang mulia(77). Yang tercatat di dalam sebuah kitab yang terpelihara(78). Ia tidak disentuh melainkan oleh mereka yang suci(79). Ia diturunkan dari Tuhan yang memelihara semesta alam."(80)

Orang-orang yang ditujukan ayat-ayat ini kepada mereka di zaman itu tidak mengetahui kedudukan-kedudukan bintang-bintang melainkan sebilangan yang kecil sahaja. Mereka memahaminya berdasarkan penglihatan mata kasar mereka sahaja, kerana itu Allah berfirman kepada mereka:

وَإِنَّهُ لَقَسَمٌ لَّوْ تَعْلَمُونَ عَظِيمٌ ﴿٧٦﴾

"Sesungguhnya sumpah itu suatu sumpah yang amat besar jika kamu mengetahui."(76)

Tetapi bagi kita pada hari ini, kefahaman kita terhadap kebesaran sumpah yang bersangkutan dengan Al-Qur'an itu jauh lebih besar dari kefahaman yang diketahui mereka. Walaupun kita juga masih tidak mengetahui kebesaran kedudukan-kedudukan bintang-bintang itu melainkan sedikit sahaja.

Maklumat yang sedikit mengenai kedudukan bintang-bintang yang diperolehi kita melalui teleskop-teleskop kita yang kecil dan terbatas itu, telah memaklumkan kepada kita bahawa hanya satu kumpulan bintang-bintang sahaja dari antara kumpulan bintang-bintang yang tidak terhitung banyaknya di angkasa raya yang tidak diketahui batasnya itu, yang ada hubungan dengan keluarga matahari kita dan ini terdiri dari seribu juta bintang.

> "Mengikut ahli-ahli ilmu astronomi, bintang-bintang dan planet-planet yang berjumlah lebih dari beberapa bilion bintang adalah setengahnya dapat dilihat dengan mata kasar dan sebahagian lagi tidak dapat dilihat melainkan dengan teropong-teropong dan alat-alat, dan sebahagian pula dapat dirasakan kewujudannya dengan perantaraan alat-alat tetapi tidak dapat dilihat. Seluruh bintang dan planet beredar di dalam lingkungan-lingkungan peredarannya yang tidak jelas. Di sana tiada kemungkinan bahawa daerah daya graviti sebuah bintang itu mendekati daerah daya tarikan sebuah bintang yang lain atau berlanggar dengan sebuah planet yang lain melainkan dengan nisbah kemungkinan berlakunya perlanggaran sebuah kapal di Laut Mediterranean dengan sebuah kapal di Lautan Pasifik yang kedua-duanya berjalan menuju satu hala dengan kederasan yang sama. Perlanggaran ini tentulah merupakan kemungkinan yang jauh, malah amat jauh jika tidak pun mustahil."[2]

Setiap bintang yang berada di tempatnya masing-masing yang berjauhan dari kedudukan bintang-bintang yang lain adalah ditempatkan di sana dengan hikmat dan perencanaan yang rapi. Kesan-kesannya dan penerimaan kesan-kesannya adalah berimbang

---

[2] *Dari buku* الله والعلم الحديث *m.s. 33.*

dan selaras dengan seluruh bintang-bintang dan planet-planet yang lain supaya seluruh makhluk ini berada dalam kedudukan yang seimbang di angkasa raya yang maha luas itu.

Inilah sekelumit maklumat kebesaran kedudukan bintang-bintang, dan ia adalah amat jauh lebih banyak dari maklumat-maklumat yang diketahui orang-orang yang mula ditujukan Al-Qur'an ini kepada mereka, dan dalam waktu yang sama maklumat ini adalah lebih kecil dan tidak dapat diukur dengan hakikat agung kedudukan-kedudukan bintang-bintang yang sebenar.

فَلَآ أُقۡسِمُ بِمَوَٰقِعِ ٱلنُّجُومِ ٧٥

"Sesungguhnya Aku tidak payah bersumpah dengan tempat-tempat bintang-bintang."(75)

Persoalan ini begitu jelas hingga tidak memerlukan kepada bersumpah.

Menyebut perkara sumpah dan mengelak dari bersumpah merupakan satu uslub yang berkesan untuk menegakkan hakikat yang tidak memerlukan kepada sumpah kerana kedudukannya yang amat kukuh dan jelas.

إِنَّهُۥ لَقُرۡءَانٞ كَرِيمٞ ٧٧

فِي كِتَٰبٖ مَّكۡنُونٖ ٧٨

لَّا يَمَسُّهُۥٓ إِلَّا ٱلۡمُطَهَّرُونَ ٧٩

تَنزِيلٞ مِّن رَّبِّ ٱلۡعَٰلَمِينَ ٨٠

"Sesungguhnya (yang dibacakan kepada kamu itu) adalah Al-Qur'an yang mulia(77). Yang tercatat di dalam sebuah kitab yang terpelihara(78). Ia tidak disentuh melainkan oleh mereka yang suci.(79) Ia diturunkan dari Tuhan yang memelihara semesta alam."(80)

Kemuliaan Dan Keagungan Al-Qur'an

Itulah Al-Qur'an yang mulia. Ia bukannya perkataan-perkataan kahin seperti yang didakwa kamu, dan bukanlah pula perkataan-perkataan orang gila, dan bukan juga perkataan-perkataan yang direka atas nama Allah, dan bukan pula dongeng-dongeng orang-orang zaman purba, dan juga bukannya kata-kata yang diturunkan oleh syaitan-syaitan dan sebagainya, malah ia adalah Al-Qur'an yang mulia, iaitu mulia kerana sumbernya, mulia kerana kandungannya yang sendiri dan mulia kerana matlamat-matlamat tujuannya (yang amat luhur).

"Yang tercatat di dalam sebuah kitab yang terpelihara."(78)

Hakikat ini dihuraikan oleh ayat selanjutnya:

"Ia tidak disentuh melainkan oleh mereka yang suci."(79)

Kaum Musyrikin menyangka bahawa syaitan-syaitanlah yang menurunkan Al-Qur'an, dan penjelasan ayat ini adalah untuk menolak dakwaan itu. Syaitan tidak pernah menyentuh kitab yang terpelihara di dalam ilmu Allah dan pengawasan-Nya itu, malah yang menurunkan Al-Qur'an ialah para malaikat yang suci. Pendapat ini adalah satu pendapat yang paling jelas di antara pendapat-pendapat yang lain dalam mentafsirkan maksud ayat:

لَّا يَمَسُّهُۥٓ إِلَّا ٱلۡمُطَهَّرُونَ ٧٩

"Ia tidak disentuh melainkan oleh mereka yang suci."(79)

Kata-kata "لا" dalam ayat ini ialah "لا نافية" (tidak), yang menafikan perbuatan bukannya "لاناهية" yang bererti jangan yang melarang kerana dibumi Al-Qur'an disentuh oleh semua orang iaitu orang yang suci, orang yang najis, orang yang Mu'min dan orang yang kafir. Penafian dengan pengertian seperti ini tidak terlaksana maksudnya. Tetapi penafian itu hanya terlaksana apabila diubahkan pengertiannya kepada pengertian yang ada hubungan dengan dakwaan mereka yang mengatakan bahawa Al-Qur'an ini diturunkan syaitan, iaitu dakwaan mereka adalah ditolak dan dinafikan kerana Al-Qur'an ini tidak disentuh melainkan oleh malaikat-malaikat yang suci semasa ia tercatat di dalam kitabnya yang terpelihara di langit.

Di antara dalil yang menguatkan maksud ini ialah firman Allah selepas ayat ini:

تَنزِيلٞ مِّن رَّبِّ ٱلۡعَٰلَمِينَ ٨٠

"Ia diturunkan dari Tuhan yang memelihara semesta alam."(80)

Yakni bukannya diturunkan syaitan.

Di sana ada dua hadith yang diriwayatkan yang memberi satu pengertian yang lain, iaitu Al-Qur'an ini tidak boleh disentuh melainkan oleh orang yang suci, tetapi Ibn Kathir telah memberi pendapatnya mengenai dua hadith ini katanya: Ini adalah satu riwayat secara wajadah (kenyataan bertulis) yang baik[3] yang dibaca oleh az-Zuhri dan lain-lainnya, dan riwayat yang seperti ini sayugia dipegang. Ad-Daraqutni telah mengisnadkan riwayat ini dari 'Amr ibn Hazm dan Abdullah ibn 'Umar dan 'Uthman ibn Abu al-Aas. Dan tentang isnad kedua-dua hadith itu dipertikaikan. Wallahu a'lam.

(Pentafsiran ayat-ayat 81 - 87)

Kemudian tibalah penerangan akhir surah ini, iaitu penerangan mengenai detik-detik kematian, iaitu satu singgungan yang menggigilkan seluruh anggota, iaitu detik-detik yang menamatkan segala pertikaian dan perdebatan, dan detik-detik di mana orang yang

---

[3] وجادة جيدة

hidup berdiri di antara penghabisan sebatang jalan dan permulaan sebatang jalan lain, di mana ia tidak dapat kembali dan tidak dapat berundur lagi:

أَفَبِهَٰذَا ٱلْحَدِيثِ أَنتُم مُّدْهِنُونَ ﴿٨١﴾

وَتَجْعَلُونَ رِزْقَكُمْ أَنَّكُمْ تُكَذِّبُونَ ﴿٨٢﴾

فَلَوْلَآ إِذَا بَلَغَتِ ٱلْحُلْقُومَ ﴿٨٣﴾

وَأَنتُمْ حِينَئِذٍ تَنظُرُونَ ﴿٨٤﴾

وَنَحْنُ أَقْرَبُ إِلَيْهِ مِنكُمْ وَلَٰكِن لَّا تُبْصِرُونَ ﴿٨٥﴾

فَلَوْلَآ إِن كُنتُمْ غَيْرَ مَدِينِينَ ﴿٨٦﴾

تَرْجِعُونَهَآ إِن كُنتُمْ صَٰدِقِينَ ﴿٨٧﴾

"Apakah kamu bersikap mendustakan Al-Qur'an ini?(81). Dan kamu jadikan habuan rezeki kamu ialah mendustakan Al-Qur'an ini(82). Mengapa tidak - ketika roh (orang yang sedang naza' itu) sampai ke halkum? (83). Dan kamu sendiri ketika itu melihatnya(84). Dan Kami pula lebih hampir kepadanya dari kamu, tetapi kamu tidak nampak(85). Dan mengapa tidak - jika kamu benar tidak dihisab dan dibalas?(86). Kamu kembalikan roh itu semula (ke jasadnya) jika kamu benar?"(87)

Maksudnya, apakah kamu meragui kebenaran penerangan Al-Qur'an mengenai penciptaan alam Akhirat? Apakah kamu tidak percaya kepada Al-Qur'an yang menjelaskan kepada kamu tentang alam Akhirat dan tentang perkara-perkara 'aqidah? "**Dan kamu jadikan sebagai habuan rezeki kamu ialah perbuatan kamu mendustakan Al-Qur'an**" yakni pendustaan merupakan habuan rezeki yang kamu perolehi dalam hidup kamu dan kamu simpankannya untuk Akhirat kamu? Alangkah buruknya habuan rezeki seperti itu!

Apakah yang kamu akan lakukan jika roh telah sampai ke halkum dan kamu berada di persimpangan jalan yang majhul?

Gambaran Kedatangan Maut

Gambaran kedatangan detik-detik kematian itu digambarkan seluruhnya oleh Al-Qur'an dengan penerangan cepat yang mendedahkan segala sesuatu di sebaliknya dan segala sesuatu yang disarankannya.

فَلَوْلَآ إِذَا بَلَغَتِ ٱلْحُلْقُومَ ﴿٨٣﴾

وَأَنتُمْ حِينَئِذٍ تَنظُرُونَ ﴿٨٤﴾

وَنَحْنُ أَقْرَبُ إِلَيْهِ مِنكُمْ وَلَٰكِن لَّا تُبْصِرُونَ ﴿٨٥﴾

"Mengapa tidak - ketika roh (orang yang sedang naza' itu) sampai ke halkum?(83). Dan kamu sendiri ketika itu melihatnya(84). Dan Kami pula lebih hampir kepadanya dari kamu, tetapi kamu tidak nampak."(85)

Kita hampir-hampir mendengar bunyi nafas seorang yang sedang naza' dan melihat perubahan rupa parasnya, dan merasakan kecemasan dan kesulitan di celah-celah ungkapan:

فَلَوْلَآ إِذَا بَلَغَتِ ٱلْحُلْقُومَ ﴿٨٣﴾

"Mengapa tidak - ketika roh (orang yang sedang naza' itu) sampai ke halkum."(83)

Begitu juga kita hampir-hampir melihat pandangan yang kuyu dan putus asa pada paras hadirin di celah-celah ungkapan:

وَأَنتُمْ حِينَئِذٍ تَنظُرُونَ ﴿٨٤﴾

"Dan kamu sendiri ketika itu melihatnya."(84)

Di sa'at inilah roh seseorang itu selesai dari urusan dunia dan meninggalkan bumi di belakangnya untuk menghadapi sebuah alam yang belum diketahuinya. Ia tidak memilik apa-apa melainkan amalan-amalan yang disimpannya, atau amalan-amalan baik atau jahat yang dilakukannya.

Di sa'at inilah roh itu melihat, tetapi ia tidak mempunyai daya untuk menceritakan apa yang dilihatnya, ia telah berpisah dari mereka yang hadir di sekelilingnya dan berpisah dari segala sesuatu yang ada di sekelilingnya. Mereka hanya melihat jasad orang yang sedang naza' itu, mereka hanya melihat. Tetapi tidak nampak apa yang sedang berlaku dan mereka tidak dapat berbuat apa-apa.

Di sa'at inilah qudrat manusia terhenti, ilmunya juga terhenti dan gelanggang kegiatannya juga berakhir.

Di sa'at inilah mereka tahu bahawa mereka amat lemah dan tidak berdaya.

Di sa'at inilah tabir dilabuhkan menutupi pandangan, menutupi ilmu pengetahuan dan menutupi harakat mereka.

Di sa'at inilah qudrat Allah sahaja yang berkuasa dan ilmu Allah sahaja yang mengetahui, dan segala sesuatu adalah diserahkan kepada Allah tanpa sebarang keraguan, sebarang kekeliruan dan sebarang pertikaian:

وَنَحْنُ أَقْرَبُ إِلَيْهِ مِنكُمْ وَلَٰكِن لَّا تُبْصِرُونَ ﴿٨٥﴾

"Dan kami pula lebih hampir kepadanya dari kamu, tetapi kamu tidak nampak."(85)

Di sa'at inilah suasana diselubungi kebesaran Allah S.W.T. dan kehebatan kehadiran-Nya. Allah itu hadir di setiap waktu, tetapi ungkapan ayat ini menggerakkan kesedaran kita terhadap hakikat kehadiran Allah yang dilupai manusia itu. Itulah majlis kematian yang diselubungi kehebatan Allah Yang Maha Besar di samping diselubungi suasana lemah, takut, putus hubungan dan perpisahan.

Di bawah bayangan perasaan-perasaan takut, gementar dan duka nestapa datang pula cabaran yang memotong segala percakapan dan menamatkan segala perdebatan:

فَلَوْلَآ إِن كُنتُمْ غَيْرَ مَدِينِينَ ﴿٨٦﴾

تَرْجِعُونَهَآ إِن كُنتُمْ صَٰدِقِينَ ﴿٨٧﴾

"Dan mengapa tidak - jika kamu benar tidak dihisab dan dibalas(86). Kamu kembalikan roh itu semula (ke jasadnya) jika kamu benar?"(87)

Jika persoalan ini benar seperti yang telah dikatakan kamu iaitu tiada Hisab dan tiada Balasan, maka bererti kamu adalah bebas lepas tidak dihisab dan tidak dibalas, dan jika benar begitu, mengapakah kamu tidak kembalikan semula roh yang telah sampai ke halkum itu supaya kamu dapat menahan pemergiannya ke alam Akhirat di mana dia akan dihisab dan dibalas, sedangkan kamu berada di sekelilingnya melihat roh itu bertolak ke alam balasan yang agung dan kamu hanya diam tidak dapat berbuat apa-apa.

Di sa'at ini gugurlah segala dalihan, putuslah segala alasan, bubarlah segala pakatan dan berakhirlah segala perbahasan. Hakikat ini menekankan begitu berat ke atas hati seseorang manusia hingga tidak terlawan dan tertahan olehnya kecuali ia mengambil sikap yang angkuh dan melawan tanpa hujah dan tanpa alasan.

******

(Pentafsiran ayat-ayat 88 - 96)

Nasib Kesudahan Roh Yang Pergi

Setelah itu Al-Qur'an menjelaskan nasib kesudahan roh ini, iaitu nasib kesudahan yang telah pun ternampak dari jauh ketika roh itu sampai ke halkum dan ketika ia bertolak meninggalkan hidup dunia yang fana dan menuju hidup Akhirat yang kekal dan alam balasan yang agung yang didustakan oleh para pendusta:

فَأَمَّآ إِن كَانَ مِنَ ٱلْمُقَرَّبِينَ ﴿٨٨﴾

فَرَوْحٌ وَرَيْحَانٌ وَجَنَّتُ نَعِيمٍ ﴿٨٩﴾

وَأَمَّآ إِن كَانَ مِنْ أَصْحَٰبِ ٱلْيَمِينِ ﴿٩٠﴾

فَسَلَٰمٌ لَّكَ مِنْ أَصْحَٰبِ ٱلْيَمِينِ ﴿٩١﴾

وَأَمَّآ إِن كَانَ مِنَ ٱلْمُكَذِّبِينَ ٱلضَّآلِّينَ ﴿٩٢﴾

فَنُزُلٌ مِّنْ حَمِيمٍ ﴿٩٣﴾

وَتَصْلِيَةُ جَحِيمٍ ﴿٩٤﴾

"Jika si mati itu dari golongan Muqarrabin(88). Maka ia akan memperolehi kesenangan, rezeki yang mewah dan Syurga yang penuh ni'mat(89). Jika dia dari golongan kanan(90). Maka untukmu ucapan: Selamat sejahtera dari golongan kanan(91). Dan jika dia dari golongan pendusta dan sesat(92). Maka ia akan menerima keraian dari air yang mendidih(93). Dan selaran api Neraka."(94)

Gambaran ni'mat-ni'mat yang diperolehi golongan Muqarrabin telah pun kita lalui di awal surah ini. Di sa'at roh berada di halkum ia melihat alamat-alamat ni'mat-ni'mat ini sedang menunggunya, iaitu ia ditunggu kesenangan, rezeki yang mewah dan Syurga yang penuh ni'mat. Kata-kata dalam ungkapan itu sendiri membayangkan keni'matan yang murni dan mewah dan menyorotkan bayang-bayang kerehatan yang manis, ni'mat-ni'mat yang lembut dan kemesraan yang luhur.

وَأَمَّآ إِن كَانَ مِنْ أَصْحَٰبِ ٱلْيَمِينِ ﴿٩٠﴾

فَسَلَٰمٌ لَّكَ مِنْ أَصْحَٰبِ ٱلْيَمِينِ ﴿٩١﴾

"Jika dia dari golongan kanan(90). Maka untukmu ucapan: Selamat sejahtera dari golongan kanan."(91)

Al-Qur'an beralih kepada orang yang sedang naza' itu untuk menyampaikan salam dari saudara-saudaranya dari golongan kanan. Alangkah manisnya dan alangkah mesranya menerima salam di sa'at roh sudah sampai ke halkum. Ketika itu hatinya merasa tenang dan aman dengan persahabatannya yang akan datang bersama-sama golongan kanan.

وَأَمَّآ إِن كَانَ مِنَ ٱلْمُكَذِّبِينَ ٱلضَّآلِّينَ ﴿٩٢﴾

فَنُزُلٌ مِّنْ حَمِيمٍ ﴿٩٣﴾

وَتَصْلِيَةُ جَحِيمٍ ﴿٩٤﴾

"Dan jika dia dari golongan pendusta dan sesat(92). Maka ia akan menerima keraian dari air yang mendidih(93). Dan selaran api Neraka."(94)

Alangkah buruknya sambutan keraian dengan hidangan air yang mendidih dan tempat tinggal yang amat panas itu. Alangkah seksanya 'azab Neraka Jahim yang ternampak kepadanya di sa'at itu, sedangkan dia tahu pula bahawa dia akan tetap menemui keseksaan itu.

******

Apabila situasi ini telah sampai kemuncaknya, maka datanglah kata penamat dengan nada yang hebat dan mendalam:

إِنَّ هَٰذَا لَهُوَ حَقُّ ٱلْيَقِينِ ﴿٩٥﴾

فَسَبِّحْ بِٱسْمِ رَبِّكَ ٱلْعَظِيمِ ﴿٩٦﴾

"Sesungguhnya (segala yang disebutkan) ini adalah kebenaran yang amat diyakinkan(95). Oleh itu, bertasbihlah dengan nama Tuhanmu Yang Maha Besar."(96)

Di sini kekuatan keyakinan iman dan timbangannya yang berat di dalam neraca Ilahi bertemu dengan Qiamat yang tetap akan berlaku yang disebut pada awal surah, dan kemudian surah ini ditamatkan dengan hasil kesedaran yang diilhamkan oleh keyakinan iman yang kukuh itu, iaitu bertawajjuh kepada Allah dengan tasbih dan ta'zim.

******